



HIMPUNAN KEPUTUSAN  
**FATWA**  
NEGERI PULAU PINANG  
**2011-2015**





## **HIMPUNAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2011**

### **CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU PERMATANG MANGGIS, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju menangguhkan keputusan berkaitan Cadangan Penubuhan Qaryah Baru Permatang Manggis, Kepala Batas, SPU dan pihak Pejabat Agama Daerah SPU (Kepala Batas) perlu mengenalpasti al had al fasil (persempadanan) yang jelas dan mengemukakan bilangan anak qaryah berkenaan yang layak bagi menunaikan solat Jumaat untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang akan datang.

(Februari 2011)

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA  
BANGUNAN SURAU AN-NUR, TAMAN SERI MENERONG,  
TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Surau An-Nur, Taman Seri Menerong, Tasek Gelugor, SPU yang sedia ada dengan syarat Pejabat Agama Daerah perlu mengemukakan pelan pembinaan surau baru kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu bagi mendapat pandangan lanjut berkaitan dengan pembinaan surau baru kelak.
2. Perkakas atau bahan binaan surau seperti kayu-kayu, besi-besi dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya tidak ada, bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan surau apabila diperlukan. Sekiranya bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

( Februari 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA  
BANGUNAN DUA TINGKAT MASJID JAMEK TASEK JUNJONG,  
BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan Untuk Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Dua Tingkat Masjid Jamek Tasek Junjong, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah dengan syarat tapak asal dikekalkan sebagai tapak masjid.
2. Bersetuju memberi kebenaran untuk menunaikan solat Jumaat sementara di Dewan Tabika Pasti Lot 42.
3. Perkakas atau bahan binaan surau seperti kayu-kayu, besi-besi dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya tidak ada, bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan surau apabila diperlukan. Sekiranya bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

( Februari 2011 )

**PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK  
TANAH 1960 KE ATAS SEBAHAGIAN TANAH WAKAF LOT 580,  
MUKIM 14, SEBERANG PERAI SELATAN**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dengan Pengambilan Tanah Di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 Ke Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 580, Mukim 14, Seberang Perai Selatan.

( Februari 2011 )

**STATUS TAPAK KUBUR ORANG ISLAM ATAS LOT 1164 & 1165,  
MUKIM 7 ( KAMPUNG SUNGAI KECIL ) SEBERANG PERAI SELATAN**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan bagi pemindahan tapak perkuburan Islam di atas Lot 1164 dan 1165, Mukim 7, Seberang Perai Selatan demi masalah ammah.

( Februari 2011 )

**CADANGAN UNTUK MEMBELI TANAH LOT 46, SEKSYEN 1 BUKIT  
MERTAJAM, SPT DENGAN MENGGUNAKAN WANG HASIL  
JUALAN TANAH WAKAF LOT 45, SEKSYEN 2, BUKIT  
MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan pihak MAINPP untuk membeli tanah di atas Lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam ( Jalan Berapit ), SPT dengan menggunakan wang hasil jualan Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam ( Jalan Berapit ) SPT menggunakan kaedah :-

الإستبدال بما هو خير

Maksudnya : Menggantikan dengan apa yang lebih baik

( Februari 2011 )

**KERTAS CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU, DAERAH  
BARAT DAYA**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju mengenai Cadangan Penubuhan Qaryah Baru Daerah Barat Daya dan mengadakan solat Jumaat di Masjid Simpang Empat, Balik Pulau dengan syarat pihak Pejabat Agama Daerah Barat Daya perlu mendapatkan al had al fasil (persempadanan) yang jelas serta mengemukakan secara terperinci bilangan anak qaryah berkenaan yang layak bagi menunaikan solat Jumaat di kedua-dua masjid berkenaan untuk dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang akan datang.

( Februari 2011 )

**STATUS TAPAK PERKUBURAN ATAS LOT 1621, MUKIM 12,  
DAERAH BARAT DAYA**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju menangguhkan pemindahan 2 buah tapak perkuburan di atas Lot 1621, Mukim 12, Daerah Barat Daya ke tanah perkuburan awam di Masjid Sungai Nibong Besar.
2. Siasatan lanjut perlu dijalankan dengan lebih terperinci mengenai kedudukan kubur dan kewujudan geran pertama, sama ada wujud terlebih dahulu dari wujud geran pertama atau sebaliknya untuk dikemuka dan dibincangkan dalam mesyuarat akan datang.

( April 2011 )

**STATUS TAPAK PERKUBURAN ORANG ISLAM ATAS LOT 1164 &  
1165, MUKIM 7, KAMPUNG SUNGAI KECIL, SEBERANG PERAI  
SELATAN**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan bagi pemindahan tapak perkuburan Islam atas Lot 1164 & 1165, Mukim 7, Seberang Perai Selatan demi masalah ammah dengan syarat pihak MAINPP perlu berbincang dengan Jabatan Arkeologi, USM bagi menentukan bilangan kubur yang terdapat di situ.

( April 2011 )

**CADANGAN UNTUK MEMBELI TANAH LOT 46, SEKSYEN 1 BUKIT  
MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH DENGAN  
MENGUNAKAN WANG HASIL JUALAN TANAH WAKAF  
LOT 45, SEKSYEN 2, BUKIT MERTAJAM**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk menolak cadangan dan tidak membenarkan pihak MAINPP untuk membeli tanah di atas lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam ( Jalan Berapit ), SPT dengan menggunakan wang hasil jualan Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam ( Jalan Berapit ) SPT kerana hasrat pewakaf atas Lot 45 hanya untuk tujuan perkuburan sahaja dan bukan dijadikan sekolah agama berdasarkan kaedah :-

**شرط الواقف كنص الشارع**

Maksudnya : Syarat pewakaf seperti nas syarak.

( April 2011 )

**PERMOHONAN MENUKAR SYARAT TANAH WAKAF DI ATAS LOT  
1575, MUKIM 15, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan menukar syarat Tanah Wakaf Di Atas Lot 1575, Mukim 15, Seberang Perai Tengah kerana tanah tersebut telah diwakafkan untuk tujuan perkuburan sahaja.

( April 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH MASJID DAN MEMBINA  
BANGUNAN SEKOLAH DI ATAS TAPAK MASJID SIMPANG AMPAT  
ATAS LOT 580, MUKIM 14, SEBERANG PERAI SELATAN DENGAN  
MENGUNAKAN WANG PAMPASAN PENGAMBILAN**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan Untuk Meroboh Masjid Dan Membina Bangunan Sekolah Di Atas Tapak Masjid Simpang Ampat Atas Lot 580, Mukim14, SPS dengan menggunakan wang pampasan pengambilan untuk aktiviti keagamaan dengan syarat mengekalkan status masjid demi menjaga kehormatan masjid.

( April 2011 )

**PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR LAMA ATAS LOT 1870, MUKIM  
11, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan untuk menolak Permohonan Pemindahan Kubur Lama Atas Lot 1870, Mukim 11 , Seberang Perai Utara kerana geran lama telah mencatatkan status "Mohd Burial Ground" yang telah diwartakan sebagai tanah wakaf perkuburan.

(April 2011 )

**PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR LAMA ATAS LOT 2792,  
MUKIM 3, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut :-

- i. Bersetuju dan membenarkan bagi pemindahan kubur lama atas lot 2792, Mukim 3, Seberang Perai Utara.
- ii. Pemindahan kubur dari tempat tersebut diserahkan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk tindakan lanjut.
- iii. Oleh kerana kubur tersebut bukan kubur orang Islam, tujuan pemindahan ialah sebagai menghormati mayat sesama manusia.

( April 2011 )

**CADANGAN MEMBELI TANAH ATAS LOT 1177, MUKIM 7, SEBERANG  
PERAI UTARA DENGAN MENGGUNAKAN WANG PAMPASAN ( ISTIBDAL )**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan dengan Cadangan Membeli Tanah Atas Lot 1177, Mukim 7, SPU Dengan Menggunakan Peruntukan Pampasan ( Istibdal )

( April 2011 )

**CADANGAN MEMBELI TANAH ATAS LOT 2393, MUKIM 2,  
SEBERANG PERAI UTARA DENGAN MENGGUNAKAN  
PERUNTUKKAN PAMPASAN ( ISTIBDAL )**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan Cadangan Membeli Tanah Atas Lot 2393, Mukim 2, SPU dengan menggunakan peruntukkan pampasan ( Istibdal ).

( April 2011 )

**PERMOHONAN MEMBINA STESYEN MINYAK ATAS LOT 694,  
MUKIM 4, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat tidak bersetuju dan tidak membenarkan Cadangan Membeli Tanah Atas Lot 694, Mukim 4, SPU untuk dijadikan sebagai stesen minyak.

( April 2011 )

**PERMOHONAN MEMBINA RUMAH KAKITANGAN ATAS TANAH  
WAKAF LOT 216, MUKIM B ( SUNGAI RUSA ), DAERAH BARAT DAYA**

Keputusan :

Mesyuarat menolak Permohonan Membina Rumah Kakitangan Di Atas Tanah Wakaf Lot 216, Mukim B (Sungai Rusa), Daerah Barat Daya kerana hasrat pewakaf adalah untuk membina surau.

( Jun 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA)  
DI BANGUNAN SURAU JABATAN LAUT, SUNGAI GELUGOR,  
DAERAH TIMUR LAUT**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan untuk mendirikan solat Jumaat (sementara) di bangunan surau Jabatan Laut, Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut dengan syarat Jawatankuasa Masjid perlu mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Laut bagi mendapat kebenaran untuk menggunakan bangunan Surau Jabatan Laut sebagai tempat sementara untuk mendirikan solat Jumaat.

( Jun 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MENGUBAH KUBUR DI TAPAK MASJID  
JAMEK SUNGAI GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan untuk mengubah kubur di bahagian belakang Masjid Jamek Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang ke kawasan perkuburan awam masjid tersebut demi masalah ammah iaitu melibatkan pembesaran masjid.

( Jun 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT ( SEMENTARA )  
DI SURAU AL-GHAZALI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS  
TUANKU BAINUN, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan untuk mendirikan solat Jumaat (sementara ) di Surau Al-Ghazali Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah dengan syarat Pegawai Tadbir Agama Perlu mengadakan pemantauan dari semasa ke semasa.

( Jun 2011 )

**KAJIAN SEMULA SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI PUSAT  
SERENTI BUKIT MERTAJAM ( KLINIK CURE & CARE 1 MALAYSIA  
BUKIT MERTAJAM )**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju untuk tidak membenarkan solat Jumaat sementara dilaksanakan di Pusat Serenti Bukit Mertajam ( Klinik Cure & Care 1 Malaysia Bukit Mertajam ) kerana tidak mencukupi syarat untuk menunaikan solat Jumaat dengan alasan seperti berikut :-
  - i. Berdasarkan sistem baru tempoh tahanan adalah terlalu singkat iaitu maksimum 3 bulan dan tiada tempoh minimum.
  - ii. Jumlah penghuninya yang tidak menentu yang akan sentiasa bertambah dan berkurangan dari semasa ke semasa.

( Ogos 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT  
BERASINGAN ANTARA MASJID KAPITAN KELING DAN MASJID  
MELAYU LEBUH ACHEH, DAERAH TIMUR LAUT**

Keputusan :

1. Mesyuarat tidak bersetuju untuk memberi kebenaran bagi mengadakan solat Jumaat secara berasingan antara Masjid Kapitan Keling dengan Masjid Melayu Lebuh Aceh kerana tiada bukti yang menunjukkan kehadiran jemaah yang melimpah di kedua-dua masjid berkenaan.
2. Walaupun begitu pihak urusetia akan mengadakan pemantauan di kedua-dua masjid berkenaan setiap minggu selama dua bulan.

( September 2011 )

**CADANGAN MEROBOKH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK  
BATU MAUNG, DAERAH BARAT DAYA**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan rekabentuk dan pelan pembangunan semula Masjid Batu Maung yang telah dikemukakan serta telah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh hukum Syara'.
2. Pihak Jawatankuasa Masjid perlulah memaklumkan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu sebelum masjid tersebut dirobokhkan dengan syarat wang yang diperlukan untuk membina masjid baru telah mencukupi.

( September 2011 )

**PERMOHONAN MEMINDAH TAPAK PERKUBURAN ISLAM ATAS  
LOT 236, MUKIM 11, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan pemindahan tapak perkuburan Islam atas Lot 236, Mukim 11, Seberang Perai Tengah demi masalah amah dengan syarat seperti berikut :-
  - i. Tapak perkuburan tersebut hendaklah dipindahkan ke Masjid Qaryah Balik Bukit.
  - ii. Menguar-uarkan melalui masjid yang berhampiran sebanyak tiga kali untuk mencari waris.

( September 2011 )

**STATUS WAKAF LOT 615, 619 DAN 614 MUKIM 9, SEBERANG  
PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan keputusan asal Mesyuarat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang rujukan (65) JAIPP/Mft/95 bertarikh 29 Julai 1995 yang menjelaskan lot-lot tanah terlibat adalah wakaf.

( September 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MENYATAKAN HUKUM DAN  
PANDANGAN BERKAITAN MASJID PELANCONGAN**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju menggunakan Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid iaitu "Bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab".
2. Bersetuju menggunakan Garis Panduan Pelancongan Dan Lawatan Ke Masjid yang telah disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

( September 2011 )

**FATWA MENGENAI KUMPULAN BLACK METAL**

Keputusan :

Mesyuarat telah memutuskan bahawa amalan dan perbuatan Kumpulan Black Metal adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam serta akan mewartakannya di Negeri Pulau Pinang, demi menjaga kesucian akidah umat Islam di Negeri Pulau Pinang dan kemaslahatan ummah sejagat.

( September 2011 )

**FATWA PENENTUAN STATUS WAKAF DAN HAL-HAL  
BERKAITAN CADANAGAN TANAH WAKAF ABDUL CAUDER  
DI LOT 208 SEKSYEN 2, JALAN MENGGUANG, BANDAR  
BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Keputusan Mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Berdasarkan Surat Cara bertarikh 17 Ogos 1892 hasrat pewakaf iaitu En. Abdul Cauder adalah sebagai wakaf am dari segi penggunaan tanah manakala hasil kegunaan tanah tersebut telah ditentukan dan dikhususkan.
- ii. Perancangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Wakaf Dan Haji (JAWHAR) untuk membangunkan tanah tersebut secara komersial adalah tidak bercanggah dengan hasrat pewakaf dan dibenarkan mengikut Hukum Syarak.
- iii. Pihak MAINPP sebagai "Pemegang Amanah Tunggal" hendaklah mematuhi dan melaksanakan ke semua hasrat pewakaf tersebut.
- iv. Keputusan ini adalah berdasarkan kaedah :-

**شروط الواقف كنص الشارع**

Maksudnya : Syarat pewakaf seperti nas syarak.

( Disember 2011 )

**STATUS TAPAK KUBUR ORANG ISLAM ATAS LOT 1318,  
MUKIM 10, TANJUNG BEREMBANG, SEBERANG PERAI SELATAN**

Keputusan :

Keputusan Mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Mesyuarat bersetuju dan membenarkan pemindahan tapak kubur orang Islam di atas Lot 1318, Tanjung Berembang, SPS ke tapak perkuburan Masjid Sungai Setar Kecil, Nibong Tebal SPS.
- ii. Tapak kubur tersebut hendaklah digali melebihi keluasan sebenar tapak kubur yang asal.
- iii. Proses menggali dan memindah kawasan tersebut hendaklah dipantau oleh Pejabat Agama Daerah SPS.

( Disember 2011 )

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA,  
MASJID JAMEK PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Keputusan Mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Mesyuarat memutuskan untuk menagguh keputusan berkaitan Permohonan Meroboh Dan Membina Semula, Masjid Jamek Penaga, SPU sehingga dana kewangan untuk membina semula masjid berkenaan telah mencukupi.
- ii. Permohonan Meroboh Dan Membina Semula, Masjid Jamek Penaga, SPU hendaklah dibawa semula kepada jawatankuasa ini apabila dana kewangan untuk membina masjid tersebut mencukupi.

( Disember 2011 )

**HIMPUNAN KEPUTUSAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA  
FATWA NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2012**



**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU MASJID DAERAH,  
DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

Keputusan :

- i. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan penubuhan qaryah baharu Masjid Daerah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.
- ii. Mesyuarat turut membenarkan solat Jumaat didirikan di Masjid Simpang Empat, Balik Pulau, Pulau Pinang.
- iii. Pegawai Tadbir Agama hendaklah memohon kelulusan daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang berkaitan perkara tersebut.

( Januari 2012 )

**CADANGAN MEMINDAHKAN KUBUR DI ATAS LOT NO. 309  
MUKIM 7, PULAU BETONG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan pemindahan tapak kubur orang Islam di atas Lot 309 Mukim 7, Pulau Betong, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang ke tapak perkuburan Islam Masjid Pulau Betong.

( Januari 2012 )

**MEMOHON KEBENARAN PENYEDIAAN KIOS PERBANKAN  
ELEKTRONIK DI MASJID-MASJID TERPILIH DI PULAU PINANG**

Keputusan :

Mesyuarat melulus dan membenarkan penyediaan KIOS perbankan di masjid-masjid di Negeri Pulau Pinang dengan beberapa syarat, demi menjaga kesucian institusi masjid kerana dibimbangi terdapat para pelanggan yang tidak menutup aurat atau tidak mematuhi etika berpakaian, iaitu :

- i. Kuanter untuk tujuan transaksi KIOS perbankan hendaklah berada di luar kawasan masjid manakala bahagian lain KIOS perbankan boleh berada di dalam kawasan masjid.
- ii. Transaksi bagi KIOS perbankan mestilah hanya melibatkan perbankan Islam sahaja.

( Januari 2012 )

**PERMOHONAN MENGADAKAN SOLAT JUMAAT DI SURAU  
AL-ISLAH KOMPLEKS PENJARA SEBERANG PERAI (BAGI  
BANDUAN SAHAJA)**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan tidak bersetuju untuk memberi kebenaran bagi mengadakan solat Jumaat di Surau Al-Islah Kompleks Penjara Seberang Perai bagi para banduan sahaja kerana solat Jumaat tidak wajib ke atas orang tahanan.

( Mac 2012 )

**FATWA BERKAITAN PERTANDINGAN RATU CANTIK.**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan bahawa penyertaan umat Islam dalam pertandingan ratu cantik adalah haram di sisi agama Islam dan boleh dikenakan tindakan undang-undang yang telah termaktub. Oleh itu umat Islam adalah dilarang :

- i. Menyertai atau;
- ii. Menganjur atau;
- iii. Mengiklan atau;
- iv. Terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berkaitan dengannya.

( Mac 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK PENGAMBILAN TANAH SELUAS 135  
METER PERSEGI DI ATAS LOT 1885 GM 1196, MUKIM 1,  
SEBERANG PERAI UTARA.**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Kerajaan pusat hendaklah menyerahkan tanah berkenaan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Ini adalah selaras dengan Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 bahawa MAINPP hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas.
- ii. Pihak MAINPP dicadangkan mengambil tanah berkenaan dari kawasan asal.
- iii. Bersetuju untuk dibina semula masjid di atas tapak tanah tersebut kerana tapak masjid hendaklah kekal selamanya.

( Mac 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI  
BANGUNAN SURAU HOSPITAL PULAU PINANG, QARYAH  
SHEIKH YUSUF DAERAH TIMUR LAUT.**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju untuk menengguhkan permohonan untuk mendirikan solat Jumaat di Bangunan Surau Hospital Pulau Pinang, Qaryah Sheikh Yusuf Daerah Timur Laut sehingga siasatan lanjut dijalankan.
- ii. Pemantauan akan dijalankan sebanyak 3 kali Jumaat di Masjid Sheikh Yusuf sama ada melimpah atau tidak.

( Mac 2012 )

**PERMOHONAN MEROBOKH BUMBUNG MASJID UNTUK  
MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT ( SEMENTARA ) DI TEMPAT LETAK  
KENDERAAN MASJID PERMATANG SUNGAI DUA, TASEK  
GELUGOR, SPU DAN PENETAPAN ARAH KIBLAT.**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Bersetuju meluluskan permohonan untuk merobokh bumbung Masjid Permatang Sungai Dua, Tasek Gelugor, SPU kerana berlaku kebocoran bumbung dengan syarat Laporan Penilaian Pemeriksaan Bangunan ( bumbung ) oleh Pihak Jabatan Kerja Raya hendaklah diperolehi kerana projek ini melibatkan harta wakaf.
- ii. Bersetuju meluluskan permohonan untuk dilaksanakan solat Jumaat sementara di tempat letak kenderaan masjid berkenaan.
- iii. Perkakasan atau bahan-bahan binaan masjid yang telah dirobokhkan seperti kayu, besi dan batu hendaklah digunakan semula sekiranya masih boleh digunakan bagi mengekalkan harta wakaf tersebut.

( Mac 2012 )

**PENJELASAN HUKUM ISU WANITA BERNASYID.**

Keputusan :

- i. Bersetuju untuk mewartakan hukum wanita bernasyid seperti berikut :
  - a. Suara wanita bukan aurat. Ini bererti mereka bebas bersuara, mengajar, belajar, berjual beli, berbual dan sebagainya.
  - b. Hukum wanita menyanyi adalah tidak haram.
  - c. Hukum mendengar nyanyian wanita adalah makruh dan tidak digalakkan sekalipun dijamin aman dari fitnah.
  - d. Nyanyian yang disertai dengan gaya yang menghairahkan, tarian dan solekan yang melampau apatah lagi mendedahkan aurat jika ditonton oleh lelaki yang ajnabi adalah haram.

- ii. Lantaran itu jika kaum wanita henda bernasyid, maka bolehlah mengambil panduan berikut :
  - a. Mesti menjaga adab-adab iaitu menutup aurat, tidak mengerakkan badan yang boleh mendatangkan fitnah, tidak bersolek dan berpakaian sempurna seperti yang dituntut ke atas wanita muslimah.
  - b. Hendaklah memestikan suasana majlis tiada percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
  - c. Persembahan hendaklah atas tujuan untuk berdakwah dan menanam diadakan tazkirah atau zikir kepada Allah. Peluang ini digunakan sebaik mungkin untuk memberi kefahaman kepada mereka tentang Islam yang syumul.

( Mac 2012 )

**CADANGAN PENGELUARAN FATWA BAGI MENGHALANG  
PEMBID'AHAN DAN PENGHINAAN KEPADA AMALAN-AMALAN  
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH.**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju untuk pengeluaran fatwa bagi menghalang pembid'ahan dan penghinaan kepada amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ii. Amalan-amalan tersebut merupakan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi termasuk di dalam perkara khilafiyah di sisi ulama dan fuqaha dan seterusnya semua pihak berlapang dada.
- iii. Amalan-amalan ini juga boleh menyuburkan rasa cinta kepada Allah, Rasulullah s.a.w., al-Quran, Sunnah, kebaikan serta perpaduan di dalam masyarakat.
- iv. Amalan-amalan tersebut adalah :
  - a. Talqin.
  - b. Membaca al-Quran di atas kubur.
  - c. Tahlil.
  - d. Kenduri arwah.
  - e. Amalan menghadihkan pahala kepada si mati melalui bacaan al-Quran,

- jamuan makan dan sebagainya.
- f. Bacaan doa dan diaminkan oleh para jamaah secara beramai-ramai sama ada selepas solat atau di lain-lain waktu dan upacara.
  - g. Tawassul.
  - h. Berzikir secara beramai-ramai.
  - i. Membaca surah Yaasin beramai-ramai pada malam Jumaat atau pada mana-mana majlis upacara sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulid al-Rasul dan sambutan Isra' Mikraj.
  - j. Sembahyang tarawih 20 rakaat.
  - k. Sembahyang hajat secara berjamaah.
  - l. Sapu muka selepas memberi salam.
  - m. Dua kali azan pada hari Jumaat.
  - n. Doa akhir dan awal tahun Hijrah.

( Mac 2012 )

**PERMOHONAN MENYATAKAN PANDANGAN DAN HUKUM  
BERZIKIR DAN BERDOA SECARA ISRAR ATAU JAHR.**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan hukum berzikir dan berdoa secara israr atau jahr adalah seperti berikut :

- i. Bagi orang yang sembahyang seorang diri dan makmum adalah lebih baik berdoa dengan suara yang perlahan sekadar hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri.
- ii. Manakala dalam sembahyang berjamaah pula adalah sunat bagi imam membaca doa dengan suara yang boleh didengari oleh jamaahnya jika ia bertujuan untuk mengajar mereka (jemaah), atau untuk mereka bersama-sama mengaminkan doa yang dibacakan oleh imam dengan syarat janganlah sampai mengganggu para jamaah lain yang sedang melaksanakan sembahyang, beriktikaf dan sebagainya.
- iii. Ini sebagaimana yang dinukilkan oleh Syeikh Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malibari Rahimahullah bahawa Imam Ibnu Hajar Rahimahullah berkata :  
"Adapun berlebih-lebihan pada mengangkat suara di dalam masjid ketika membaca zikir dan doa sekiranya mengganggu orang yang sedang mengerjakan

sembahyang, maka sayugia dihukumkan haram".

(Hasyiah l'anatu Al Tolibin, Jilid 1, Halaman 186)

iv. Berkata Al Imam Al Syafie di dalam Al Umm :

"Saya memilih bagi imam dan makmum hendaklah berzikir ke hadrat Allah setelah memberi salam, mereka melakukannya secara perlahan kecuali Imam yang bermaksud supaya dapat diikuti, maka boleh dengan suara yang keras dan setelah mengetahui bahawa makmum telah dapat mengikutinya, maka kembali berzikir dengan suara yang perlahan"

(Hasyiah l'anatu Al Tolibin, Jilid 1, Halaman 185)

( Mac 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI  
BANGUNAN SURAU HOSPITAL PULAU PINANG, QARYAH  
SHEIKH YUSUF, DAERAH TIMUR LAUT**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan seperti berikut :-

- i. Tidak bersetuju untuk memberi kebenaran bagi mendirikan Solat Jumaat di Bangunan Surau Hospital Pulau Pinang, Qaryah Sheikh Yusuf, Daerah Timur Laut kerana tidak menepati kehendak syarak bagi mewujudkan dua tempat solat Jumaat di dalam satu qaryah.
- ii. Keputusan ini adalah berdasarkandalil-dalil berikut :-
  - a. Di antara syarat sah Jumaat ialah, tidak boleh mendahului atau serentak takbiratul ihram antara satu Jumaat dengan Jumaat yang lain dalam satu tempat (pekan atau qaryah) kerana ditegah berbilang-bilang Jumaat pada satu tempat, kecuali ahli Jumaatnya yang ramai dan sukar untuk berhimpun di satu tempat. (Matla' Al-Badrain wa Majma' Al-Bahrain', Muhammad bin Ismail Al-Syeikh Daud Fatani)

b. **عدم التعدد:-**

يشترط لصحة الجمعة أن تكون واحدة في البلدة، فلا يسبقها، ولا يقارنها جمعة في بلدتها، ولو عظمت البلدة إذا كان الاجتماع في مسجد جامع واحد ممكنا، ويجب على أهل البلدة أن يجتمعوا في مكان واحد، يسمى المسجد الجامع، وإن كثرت المساجد فهي مصلى للصلوات الخمس الأخرى. أما إن كبرت البلدة، وكثر الناس، وعسر اجتماعهم في مكان، فلا يوجد في محل الجمعة موضع يسعهم بلا مشقة فيجوز التعدد للحاجة، وتقدر الحاجة بحسبها فقط، لأن المشقة والعسر مرفوعان في الشرع، ولأن الإمام الشافعي رحمه الله تعالى دخل بغداد، وأهلها يقيمون بها جمعيتين، وقيل: ثلاثا، فلم ينكر عليهم، فحمله الأكثرون على عسر الاجتماع. وإن تعددت الجمعات في البلدة الواحدة بدون حاجة، فالجمعة السابقة هي الصحيحة، لاجتماع الشرائط فيها، والعبرة بالسبق في البدء بالصلاة، لافى الانتهاء منها، فالجمعة التي بدأ إمامها بالتحريم بالصلاة قبلا تعتبر الصحيحة، وباقي الجمعات الأخرى باطلة، لانفرادهم في جمعاتهم، وتقصيرهم في الالتحاق بالجمعة الأولى، وتكون جمعاتهم باطلة، ويصلون مكانها الظهر.

**ما أفلح قوم ولوا أمرهم امرأة**

Maksudnya :-

Di antara syarat sah Jumaat ialah tidak berbilang-bilang Jumaat di dalam satu balad (qaryah). Tidak boleh didahului satu Jumaat dengan Jumaat yang lain atau berlaku Jumaat secara serentak di dalam satu balad (qaryah).

Jika balad (qaryah) itu luas dan semua ahli jamaah boleh berkumpul pada satu tempat, maka wajib berkumpul dan melaksanakan solat Jumaat di satu tempat sahaja dan disebut sebagai Masjid Jami'.

Jika terdapat banyak masjid di dalam balad (qaryah) tersebut maka jadilah masjid-masjid yang lain itu sebagai tempat menunaikan solat lima waktu secara jamaah sahaja.

Jika balad (qaryah) itu besar dan ramai pula ahli balad (qaryah) tersebut yang menyebabkan mereka sukar untuk berkumpul pada satu tempat atau masjid yang ada tidak boleh menampung ahli qaryah yang ramai maka bolehlah dilaksanakan Jumaat secara berbilang-bilang tempat (masjid) kerana keperluan dan harus berbilang-bilang Jumaat itu mengikut kadar yang diperlukan sahaja, kerana syara' mengambil kira kesukaran dan kesusahan untuk berkumpul tersebut. Imam Al-Syafie' r.h. ketika sampai ke Baghdad mendapati ahli qaryah berkenaan melaksanakan dua atau tiga Jumaat secara serentak

dan beliau tidak mengingkarinya dan diihtimal atas alasan sukar untuk berkumpul bagi melaksanakan Jumaat pada satu tempat.

Jika berbilang-bilang Jumaat pada satu tempat tanpa keperluan maka sahlah Jumaat yang terdahulu atau yang pertama dilaksanakan. Bagi menilai solat Jumaat manakah yang terdahulu didirikan ialah yang paling awal memulakannya dan bukan yang paling awal selesai solatnya.

Oleh itu solat Jumaat yang sah adalah solat yang dimulakan oleh Imam sebelum solat Jumaat lain dimulakan. Ahli Jumaat lain dikira cuai apabila mereka mendirikan solat Jumaat tanpa berkumpul di tempat solat Jumaat yang pertama dimulakan dan solat Jumaat mereka dikira batal. Mereka hendaklah mendirikan solat Zohor di tempat mereka mendirikan solat Jumaat tersebut.

(Al-Mu'tamad fi Al-Fiqh Al-Syafie', Al-Ustaz Al-Doktor Muhammad Al-Zuhaily, Juzuk Pertama, Halaman 506-507, Dar Al-Qalam Dimasyq, Cetakan ke-3, 2010M/1431H)

( Mei 2012 )

**CADANGAN MENGELUARKAN FATWA BAGI MELARANG  
PEMBID'AHAN DAN PENGHINAAN AMALAN-AMALAN AHLI SUNNAH  
WAL JAMAAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk melarang pembed'ahan dan penghinaan terhadap amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai panduan atau irsyad hukum.

- i. Antara larangan tersebut adalah berkaitan amalan-amalan seperti berikut :-
  - a. Membaca Talqin.
  - b. Membaca Al-Quran di atas kubur.
  - c. Tahlil.
  - d. Kenduri Arwah.
  - e. Amalan menghadihkan pahala kepada simati melalui bacaan Al-Quran, jamuan makan dan sebagainya.
  - f. Qunut Subuh.
  - g. Bacaan doa dan diaminkan oleh para jemaah secara beramai-ramai sama ada selepas solat atau di lain-lain waktu dan upacara.
  - h. Tawassul.
  - i. Berzikirsecara beramai-ramai.
  - j. Membaca surah Yasin malam Jumaat atau pada mana-mana majlis upacara sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maal Hijrah, Maulidar-Rasul, Isra' Mikraj dan Nisfu Syaaban.
  - k. Sembahyang tarawih 20 rakaat.
  - l. Sembahyang hajat secara berjamaah.
  - m. Menyapu muka selepas memberi salam.
  - n. Dua Kali azan pada hari Jumaat.
  - o. Melafazkan niat dalam ibadah.

- ii. Oleh itu, mana-mana orang Islam atau kumpulan adalah dilarang :-
  - a. Membid'ah atau;
  - b. Menghina atau;
  - c. Memperlekeh samaada dengan perkataan, perbuatan, penulisan atau apa-apa tindakan yang membawa maksud yang seumpama dengannya atau;
  - d. Mengajar, menyiar, menyebarkan, menghebah dan mendedahkan dengan apa-apa cara sekalipun.

( Mei 2012 )

**LAPORAN SIASATAN KES PENGISLAMAN SOFIAH EOW  
BT. ABDULLAH, NO. K.P : 880420-07-5286**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Pengislaman Cik Su Eow Su Chin atau Sofiah Eow binti Abdullah adalah sah menurut hukum Syarak.
- ii. Ketika Cik Su Eow Su Chin atau Sofiah Eow binti Abdullah melafazkan syahadah di hadapan Pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya, Ustaz Mohd Fauzi bin Ibrahim didapati beliau faham, akil dan baligh serta dikira sebagai seorang yang mukallaf.
- iii. IQ lambat beliau tidak menjejaskan pemelukannya Islamnya dan tidak membatalkan syahadahnya.
- iv. Keputusan ini akan diwartakan.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MENAMBAH BANGUNAN MASJID  
LAHAR TIANG, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan bagi penambahan bangunan Masjid Lahar Tiang, Seberang Perai Utara kerana penambahan tersebut tidak melibatkan ruang solat.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK PENUBUHAN QARYAH BARU DI BANDAR  
PUTRA BERTAM, MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA.**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan untuk menanggung permohonan bagi penubuhan qaryah baru di Bandar Putra Bertam, Mukim 6, Seberang Perai Utara kerana dibimbangi akan berlakunya kekurangan jamaah di Masjid Daerah Kepala Batas iaitu Masjid Abdullah Fahim.

( Mei 2012 )

**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH PERMATANG MANGGIS  
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk menolak cadangan penubuhan Qaryah Permatang Manggis, Kepala Batas, Seberang Perai Utara kerana bilangan anak qaryah tidak meyakinkan untuk didirikan solat Jumaat.

( Mei 2012 )

**CADANGAN PEMBINAAN MASJID BARU DI ATAS LOT 1503 DAN  
SEBAHAGIAN LOT 1495 MUKIM 10, QARYAH SUNGAI ACHEH,  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pembinaan Masjid Baru Di atas Lot 1495, Mukim 10, Qaryah Sungai Aceh, Daerah Seberang Perai Selatan dengan syarat mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

( Mei 2012 )

**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU DI DAERAH SEBERANG  
PERAI SELATAN**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan penubuhan qaryah baru di Daerah Seberang Perai Selatan dengan syarat pegawai tadbir agama perlu mendapat kelulusan daripada majlis agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi tujuan penubuhan qaryah baru tersebut.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MEMAJAK TANAH WAKAF ATAS  
LOT 418, MUKIM 12, SEBERANG PERAI UTARA UNTUK  
MENGUSAHA TANAMAN KELAPA SAWIT**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Mesyuarat tidak bersetuju dengan permohonan untuk memajak tanah wakaf atas Lot 418, Mukim 12, Seberang Perai Utara bagi mengusahakan tanaman kelapa sawit.
- ii. Mesyuarat mencadangkan agar pihak SAR Al-Ibtidaiah, Tasek Gelugor menguruskan tanah tersebut kerana hasrat pewakaf adalah untuk tujuan SAR Al-Ibtidaiah, Tasek Gelugor.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN MENDAPATKAN PENGEQUALIAN PENYEWAAN  
PREMIS WAKAF DI LOT 407, JALAN PERAK, JELUTONG,  
PULAU PINANG**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan kadar bayaran sewaan premis wakaf di Lot 407, Jalan Perak, Jelutong, Pulau Pinang sebanyak RM1,100.00 dan dilaksanakan seperti hasrat pewakaf untuk mendapatkan hasil.
- ii. Mesyuarat turut menyarankan agar pihak bertanggungjawab menjalankan siasatan lanjut berkaitan kewujudan kubur di belakang bangunan tersebut terlebih dahulu.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MEMINDAHKAN TAPAK PERKUBURAN  
ISLAM ATAS LOT 2210, SEKSYEN 6, GEORGETOWN, DAERAH  
TIMUR LAUT**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju bagi pemindahan tapak perkuburan Islam atas Lot 2210, Seksyen 6, Georgetown, Daerah Timur Laut.
- ii. Pihak MAINPP perlu menjalankan siasatan lanjut berkaitan kemungkinan terdapat kubur-kubur lain di atas tapak perkuburan tersebut.
- iii. Pihak MAINPP juga perlu memaklumkan kepada penduduk yang terdapat di situ supaya berpindah kerana hasrat pewakaf adalah untuk tujuan tapak perkuburan.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBESARAN BANGUNAN  
MASJID JAMEK BUKIT MINYAK TOK LEBAI HASHIM, BUKIT  
MERTAJAM, PULAU PINANG**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Mesyuarat tidak bersetuju untuk meluluskan pembesaran bangunan Masjid Jamek Bukit Minyak Tok Lebai Hashim, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
- ii. Mesyuarat kesal kerana pembesaran bangunan masjid tersebut tidak merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terlebih dahulu.
- iii. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 Seksyen 97(2), mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

- iv. Mesyuarat menggesa agar pihak MAINPP mengambil tindakan tegas dan menghentikan pembinaan masjid tersebut sehingga mendapat kelulusan pembinaan terlebih dahulu dari segi kebenaran merancang daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan pandangan hukum daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang serta hal-hal lain yang berkaitan.

( Mei 2012)

**PERMOHONAN UNTUK PEMBESARAN DAN MEMBAIKPULIH  
BANGUNAN MASJID SEDIA ADA MASJID JAMEK TIMAH, BUKIT  
MERTAJAM, PULAU PINANG**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju dengan permohonan untuk pembesaran dan membaikpulih bangunan masjid sedia ada Masjid Jamek Timah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang kerana mengambilkira kepadatan penduduk sekarang dan masa hadapan.
- ii. Pihak qaryah perlu memohon kelulusan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam perkara yang berkaitan.
- iii. Bahan-bahan wakaf masjid hendaklah mengikut prosedur yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA  
BANGUNAN BAHARU ( DUA TINGKAT ) MASJID MAQBUL,  
TELUK KUMBAR**

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan untuk meroboh dan membina semula bangunan baharu (2 tingkat) Masjid Maqbul, Telok Kumbar.
2. Bersetuju membenarkan solat sementara di belakang Masjid iaitu bersebelahan dengan sungai yang sedia ada iaitu Lot 1134 dan Lot 584.

( Mei 2012 )

**PINDAAN SIGHAH PEWARTAAN KES SYIAH YANG TELAH  
DIWARTAKAN PADA DISEMBER 1996**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan agar dibuat pindaan sighth Fatwa Mengenai Fahaman Syiah dengan merujuk kepada fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

( Mei 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MENGUBAH KUBUR LAMA KE  
TANAH PERKUBURAN ISLAM QARYAH PERMATANG TOK  
JAYA, SEBERANG PERAI UTARA, BUTTERWORTH.**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju dan membenarkan permohonan bagi pemindahan kubur lama ke tanah perkuburan Islam Qaryah Permatang Tok Jaya, Butterworth.
- ii. Tapak kubur tersebut hendaklah digali melebihi keluasan sebenar tapak perkuburan yang asal atas dasar hati-hati kemungkinan terdapat kubur-kubur lain di sekitarnya.
- iii. Proses menggali dan pemindahan kubur tersebut hendaklah dipantau oleh Pejabat Agama Daerah Butterworth.

( Julai 2012 )

**MOHON PANDANGAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU  
PINANG MENGENAI PERLANTIKAN HAKIM SYARIE WANITA**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan untuk menolak permohonan mengenai perlantikan Hakim Syarie wanita dan mengekalkan keputusan yang telah dikeluarkan pada 25 Jun 2010. Ini berdasarkan hujah berikut :

- i. Lelaki merupakan syarat bagi seorang hakim menurut jumhur fuqaha' berdasarkan hadis Nabi s.a.w :

☒ ☒☒☒ ☒☒ ☒☒☒ ☒☒☒☒

Maksudnya : Tidak berjaya satu kaum yang melantik wanita mengendalikan urusan mereka.

(Hakim - Sistem Kehakiman Islam, Dr. Abdul Karim Zaidan, Hal. 30, Jilid 1, 1993, Pustaka Haji Abdul Majid)

- ii. Wanita tidak boleh menjadi hakim walau setinggi mana sekali pun kemampuannya. Rasulullah s.a.w bersabda :

لَنْ يَفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمْرَهُمْ إِمْرَأَةٌ

Maksudnya : Tidak berjaya satu kaum yang melantik wanita mengendalikan urusan mereka.

Selain itu urusan kehakiman membabitkan pertemuan dengan lelaki, sedangkan pertemuan lelaki dan perempuan tidak dapat dijamin terhindar daripada fitnah. Di samping itu melantik wanita sebagai hakim boleh memesongkan tumpuan mereka daripada tugas asasi mereka, iaitu mengurus rumah tangga dan anak-anak. Tambahan jawatan hakim memerlukan kekuatan dan ketegasan, supaya orang ramai tidak mengambil kesempatan untuk mengampu hakim. Wanita pula lemah dalam aspek ini.

(Al-Feqh al-Manhaji – Kitab Fikah Mazhab Syafie, Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, Hal. 2146-2147, Jilid 8, 2005, Pustaka Salam Sdn. Bhd)

- iii. Mengenai syarat seorang lelaki, ia menjadi syarat di sisi ulama' mazhab selain mazhab Hanafi. Oleh itu, tidak boleh dilantik seorang wanita untuk menjadi qadi, kerana Nabi Muhammad s.a.w bersabda :

لَنْ يَفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمْرَهُمْ إِمْرَأَةٌ

Maksudnya : Tidak berjaya satu kaum yang melantik wanita mengendalikan urusan mereka.

Selain itu, kehakiman perlu kepada kematangan, kecerdikan dan pengalaman yang banyak dalam urusan kehidupan. Seorang perempuan kurang memiliki hak ini sebab mereka kurang terdedah kepada pengalaman-pengalaman hidup berbanding lelaki. Seorang qadi mesti berunding dan berbicara dengan ahli-ahli fiqh, para saksi dan pihak yang berselisih. Seorang perempuan tidak boleh duduk bersama dengan lelaki untuk mengelak fitnah.

Wanita tidak sesuai dilantik menjadi khalifah atau ketua negara, sebab itulah Rasulullah s.a.w dan para khalifah selepas Baginda tidak melantik wanita untuk menjadi hakim atau gabenor.

Ulama' Hanafi mengatakan wanita-wanita boleh dilantik menjadi qadi bagi menyelesaikan kes-kes sivil (mu'amalat), tetapi orang melantiknya adalah berdosa berdasarkan hadis di atas.

Dalam kes hudud dan qisas iaitu kes jenayah, tidak boleh dilantik qadi wanita. Kesaksian mereka tidak diterima dalam kes-kes ini dan seperti yang kita sedia ketahui orang yang boleh dilantik memegang jawatan kehakiman mestilah terdiri daripada yang layak menjadi saksi.

(Al-Feqh al-Islami wa Adillatuh, Dr. Wahbah al-Zuhaily, hlm. 482-483, Jilid 6, Cet. Ketiga 1989M / 1409H, Dar al-Fikr, Damsyik)

iv. Perlantikan Hakim Syarie wanita bukanlah dalam keadaan yang mendesak.

( Julai 2012 )

**CADANGAN PERSEMPADANAN QARYAH MASJID TELOK IPIL**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan persempadanan Qaryah Masjid Telok Ipil seperti yang telah dikemukakan.

( Julai 2012 )

**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BAHARU, QARYAH PERMATANG TINGGI, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan penubuhan Qaryah Baharu, Qaryah Permatang Tinggi, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah dengan syarat mengemukakan senarai nama penduduk lelaki yang akil dan baligh secara terperinci dan surat persetujuan secara bertulis daripada qaryah bersebelahan.

( Julai 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID QARYAH SUNGAI NIBONG BESAR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

Keputusan :

Mesyuarat menolak permohonan untuk meroboh dan membina semula Masjid Qaryah Sungai Nibong Besar, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang kerana belum mempunyai sumber peruntukan kewangan.

( J

**PERMOHONAN ISTIBDAL WAKAF KELUARGA ATAS ALASAN  
DARURAT DAN KEMISKINAN WARIS BAGI LOT 200, 1441  
DAN 1442, MUKIM 4, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Jual beli tanah wakaf adalah tidak sah mengikut hukum syarak berdasarkan dalil berikut :

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma :-

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضاً بخيبر، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إنني أصبت أرضاً بخيبر، لم أصب مالا قط هو أنفسي عندي منه، فما تأمر به؟ قال: إن شئت حبست أصلها وتصدقته بها. فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث.

(رواه البخاري)

Maksudnya: "Bahawasanya Saidina Umar bin al-Khathab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam (untuk) menerima arahan Baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata : "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu?" Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Jika engkau mahu, tahan (tidak digunapakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan."

(Hadits riwayat al-Bukhari)

- ii. Tanah wakaf tersebut tidak boleh diistibdalkan kerana tidak memenuhi syarat istibdal.
- iii. Keputusan ini akan diwartakan.

**PERMOHONAN UNTUK MENGISYTIHAR FOYER / RUANG  
LEGAR MASJID ABDULLAH FAHIM BUKAN SEBAGAI TEMPAT SOLAT**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju meluluskan Permohonan Untuk Mengisytiharkan Keseluruhan Foyer / Ruang Legar Masjid Abdullah Fahim dikira sebagai bukan ruang masjid. Pihak Jawatankuasa Masjid hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :-

- i. Meletakkan petungkuk di setiap sudut

**PINDAAN SIGHAH PEWARTAAN FATWA MENGENAI FAHAMAN  
SYIAH YANG TELAH DIWARTAKAN PADA 16 JANUARI 1997**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dengan pindaan sighah pewartaan Fatwa Mengenai Fahaman Syiah Yang Telah Diwartakan Pada 16 Januari 1997 dengan sedikit penambahan pada Perkara 3 seperti berikut :-

Oleh itu mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman tersebut adalah dilarang kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi :-

- (i) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi pengikut ajaran dan fahaman ini adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (ii) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang menjadi ahli jamaah atau pengikut Syiah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan,

Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang 2011 - 2015

pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Syiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

- (iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman Syiah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman Syiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (iv) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman Syiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Syiah adalah bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; atau
- (v) Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Syiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman Syiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah diharamkan;
- (vi) Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Syiah kepada mana-mana harta alih atau tak alih dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan;
- (vii) Apa jua bentuk tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dihalang dan diambil tindakan menurut undang-undang.

( September 2012 )

**TAKLIMAT DAN PENJELASAN BERKAITAN KUTIPAN DAN  
PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF**

Keputusan :

Taklimat ini telah dibentangkan oleh Tuan Haji Azman Bin Abdul Samat, Pengurus Besar, Zakat Pulau Pinang dan taklimat ini menyentuh berkaitan aktiviti Zakat Pulau Pinang.

( September 2012 )

**PENJELASAN BERKAITAN ISU RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk memanjangkan isu RIBI kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, jika negeri-negeri lain turut terlibat berkaitan isu RIBI, kerana melibatkan isu nasional.

( September 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MEMBINA 1 UNIT SURAU 1 TINGKAT DI  
ATAS LOT 4245, LORONG ALAMANDA 3, TAMAN ALAMANDA  
KEPALA BATAS, MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju meluluskan Permohonan Untuk Membina 1 Unit Surau 1 Tingkat Di Atas Lot 4245, Lorong Alamanda 3, Taman Alamanda, Kepala Batas, Mukim 6, Seberang Perai Utara dengan syarat di wujudkan pintu berbetulan saf yang pertama dari arah dalam surau.

( September 2012 )

**CADANGAN PERTUKARAN TANAH (SWAPPING) LOT 10514, MUKIM  
13, DAERAH TIMUR LAUT DENGAN TANAH PERMOHONAN  
PEMBERIMILIKAN UNTUK TUJUAN SURAU DAN LAIN-LAIN  
AKTIVITI KEAGAMAAN ATAS TANAH BERSEBELAHAN LOT  
10059, MUKIM 13, DTL**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Cadangan Pertukaran Tanah (Swapping) Lot 10514, Mukim 13, Daerah Timur Laut Dengan Tanah Permohonan Pemberimilikan Untuk Tujuan Surau Dan Lain-Lain Aktiviti Keagamaan Atas Tanah Bersebelahan Lot 10059, Mukim 13, DTL. Alasan-alasannya adalah seperti berikut :-

- i. Lot 10514 terletak jauh dari kawasan penempatan penduduk berbanding lot tanah yang dipohon.
- ii. Lot 10514 adalah lebih kecil iaitu berkeluasan 0.11095 ekar berbanding tanah yang dipohon berkeluasan 0.39027 ekar.

- iii. Lot 10514 terletak bersebelahan kawasan perumahan yang majoritinya penduduk bukan beragama Islam dan dikhuatiri akan menyebabkan surau tersebut sukar diimarahkan. Manakala tapak baru yang dipohon terletak berhampiran kawasan penduduk majoritinya beragama Islam.

( September 2012 )

**PENGAMBILAN BALIK TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN  
BALIK TANAH 1960 KE ATAS TANAH WAKAF DI LOT 615,  
MK. 7 SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju meluluskan Pengambilan Balik Tanah Di Bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 Ke Atas Tanah Wakaf Di Lot 615, Mk. 7, Seberang Perai Tengah dan MAINPP hendaklah memastikan tanah yang akan digantikan mengikut kaedah istibdal adalah tanah yang sama atau lebih baik dari tanah yang dibuat pengambilan tersebut.

( September 2012 )

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA  
MASJID QARYAH SUNGAI NIBONG BESAR, DAERAH TIMUR  
LAUT, PULAU PINANG**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan untuk meroboh dan membina semula Masjid Qaryah Sungai Nibong Besar, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan syarat peruntukan sumber kewangan yang diperlukan mencukupi dan perlu mendapat kebenaran Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu bagi pelaksanaan meroboh masjid berkenaan kelak.

( September 2012 )

**HIMPUNAN KEPUTUSAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA  
FATWA NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2013**



**PENJELASAN BERKAITAN ISU RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)**

KEPUTUSAN

Mesyuarat memutuskan seperti berikut:-

- i. Pemaju beragama Islam dan pembeli beragama Islam adalah dilarang member sumbangan kepada tabung RIBI kerana ia adalah bercanggah dengan hukum Syarak.
- ii. Kerajaan Negeri dinasihatkan supaya mengkaji semula kaedah sumbangan tersebut agar umat Islam tidak terlibat di dalam menyumbang kepada pembinaan rumah ibadat bukan Islam.

**ADAKAH SUNAT SEMBAHYANG TAHIYYATUL MASJID DAN  
I'TIKAF DI DALAM SURAU ATAU BALAI IBADAT?**

KEPUTUSAN

Mesyuarat bersetuju menerimapakai fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Brunei Darussalam.

Sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dan i'tikaf merupakan dua ibadat yang mempunyai

kaifiyyat (cara) yang berbeza tetapi dilakukan di tempat yang sama iaitu masjid. Namun yang menjadi kekeliruan di kalangan sebahagian orang, adakah sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dan i'tikaf juga sunat dilakukan di dalam balai ibadat atau surau yang di dalamnya juga didirikan sembahyang berjemaah lima waktu, sembahyang Jumaat serta sembahyang sunat yang lain seperti sembahyang Tarawih, sembahyang 'Idil Fitri, sembahyang 'Idil Adha dan lain-lain.

Sebelum kita mengetahui mengenai dengan kedudukan hukum melakukan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dan i'tikaf di tempat selain yang dinamakan masjid, kita perlu faham terlebih dahulu perkara-perkara yang berkaitan dengan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid, i'tikaf dan juga pengertian 'masjid' itu sendiri.

#### Beberapa Perkara Mengenai Sembahyang Sunat Tahiyatul Masjid

Sembahyang sunat Tahiyatul Masjid menurut syara' ialah sembahyang dua rakaat yang didirikan sebelum duduk apabila seseorang masuk ke dalam masjid sebagai menghormati masjid. Sembahyang ini sunat dilakukan berulang kali apabila seseorang itu berulang masuk ke dalam masjid. Sembahyang ini juga sunat dilakukan bagi seseorang yang masuk ke dalam masjid walaupun dia tidak bermaksud untuk duduk di dalamnya. Diriwayatkan daripada Abu Qatadah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلَا يَجْلِسُ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ

(رواه البخاري)

Maksudnya : "Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka janganlah dia duduk sehinggalah dia mendirikan sembahyang dua rakaat (tahiyat) terlebih dahulu."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Sembahyang sunat Tahiyatul Masjid ini berakhir atau luput waktunya apabila seseorang itu telah masuk ke dalam masjid dan telah duduk di dalamnya.

Adapun meninggalkan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid ini dihukumkan makruh bagi sesiapa yang tiada halangan untuk melakukannya kecuali jika waktu sembahyang



أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنَ  
رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ اعْتَكَفَ أَرْوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ

(رواه البخاري)

Maksudnya : Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam beri'tikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan. Baginda melakukan amalan i'tikaf tersebut sehingga Baginda wafat. Kemudian para isteri Baginda meneruskan amalan i'tikaf selepas itu".  
(Hadis riwayat al-Bukhari)

Orang yang beri'tikaf di dalam masjid dianjurkan untuk memperbanyakkan sembahyang sunat, berzikir kepada Allah Subhanahu wa Taala, berdoa meminta ampun (istighfar), mengucapkan shalawat kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam atau membaca Al-Quran di samping bacaan-bacaan lain yang boleh mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Taala.

--Pengertian Masjid

Masjid dari segi bahasa ialah nama bagi tempat bersujud. Manakala dari segi syara' pula ialah mana-mana tempat di permukaan bumi. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

...جُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا...

(رواه البخاري)

Maksudnya : "Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud)."  
(Hadis riwayat Al-Bukhari)

Namun begitu, 'urf (kebiasaan) telah mengkhususkan masjid sebagai tempat untuk mengerjakan sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, sembahyang Hari-Hari Raya dan lain-lain ibadat seperti beri'tikaf. Dengan demikian, mushalla atau surau tempat orang berkumpul di dalamnya pada Hari Raya dan yang seumpamanya tidak dihukumkan sebagai masjid. Begitu juga ribath (markas tentera atau tempat tinggal yang dibina untuk orang musafir atau orang miskin) dan sekolah tidak dihukumkan sebagai masjid, kerana ianya disediakan untuk kegunaan lain. Jika kita melihat kepada fungsi tempat-tempat beribadat yang terdapat di negara kita ini serta struktur reka bentuk yang kadang-kadang sama antara bangunan-bangunan untuk beribadah antara satu dengan yang lain, memang agak susah untuk dibezakan kecuali dilihat berdasarkan kepada nama tempat itu sendiri sama ada dinamakan masjid, surau, balai ibadat dan yang seumpamanya.

Bila Sesebuah Tempat Itu Dinamakan Masjid?

Para ulama mazhab as-Syafieyah berpendapat mengenai masjid sebagaimana berikut :-

I. Imam Az-Zarkasyi Rahimahullah ada menyebutkan :

لَوْ قَالَ : جَعَلْتُ هَذِهِ الْبُقْعَةَ مَسْجِدًا ، فَفِي الْوَجِيزِ : أَنَّهَا  
تَصِيرُ مَسْجِدًا وَإِنْ لَمْ يَأْتِ بِلَفْظِ الْوَقْفِ

Ertinya: "Kalau seseorang berkata : "Aku jadikan sebidang tanah ini sebagai masjid, maka menurut kitab Al-Wajiz jadilah ia masjid walaupun dia tidak menyebut lafaz wakaf.

II. As-Syeikh al-Bujairimi Rahimahullah menyebutkan ketika mensyarahkan perkataan al-Khathib as-Syarbini Rahimahullah dalam syarat i'tikaf di dalam masjid :

قَوْلُهُ : ( فِي الْمَسْجِدِ ) وَهُوَ مَا وَقَفَهُ الْوَاقِفُ مَسْجِدًا لَا رِبَاطًا وَلَا  
مَدْرَسَةً كَمَا أَفْتَى بِهِ ابْنُ عَبْدِ السَّلَامِ

Ertinya: "Katanya: (di dalam masjid) Masjid itu ialah sesuatu yang diwaqafkan oleh pewaqafnya sebagai masjid, bukan ribath, bukan sekolah, sebagaimana yang difatwakan oleh Ibnu 'Abd as-Salam."

Beliau menambah lagi :

فَائِدَةٌ : أَفْتَى شَيْخُنَا زِي بَأْتَهُ لَوْ سَمَرَ حَصِيرًا أَوْ فَرَوَةً أَوْ سَجَادَةً أَوْ  
بَنَى مِصْطَبَةً وَوَقَفَهَا مَسْجِدًا صَحَّ ذَلِكَ وَأَجْرَى عَلَيْهَا أَحْكَامُ  
الْمَسَاجِدِ، فَيَصِحُّ الْإِعْتِكَافُ عَلَيْهَا وَيَحْرُمُ عَلَى الْجُنُبِ، وَنَحْوُهُ  
الْمُكْتَبَ عَلَيْهَا وَنَحْوَ ذَلِكَ إِيَّاهُ عَبْدُ الْبَرِّ

Ertinya : “Faedah : Guru kami Ali az-Ziyadi telah memfatwakan bahawa sesungguhnya jika seseorang memakukan tikar atau baju bulu unta atau sejadah atau dia membina tempat duduk dan diwaqafkannya sebagai masjid, sahlah (waqafnya) itu, dan diperlakukan atasnya hukum-hukum masjid. Maka sah i’tikaf di atasnya dan haram ke atas orang junub; dan yang seumpamanya duduk diam di atasnya dan seumpama yang demikian itu. Selesai dinaqal oleh ‘Abd al-Barr.”

III. Imam ar-Ramli Rahimahullah pula menyebutkan :

وَحَرَجَ بِالْمَسْجِدِ الرَّبَاطُ وَمُصَلَّى الْعِيدِ وَمَا بُنِيَ فِي أَرْضٍ  
مُسْتَأْجَرَةً عَلَى صُورَةِ الْمَسْجِدِ وَأُذِنَ بَانِيهِ فِي الصَّلَاةِ فِيهِ

Ertinya : “Dan keluar dengan perkataan ‘masjid’ (iaitu tidak termasuk) ribath, surau tempat menunaikan sembahyang hari raya dan sesuatu yang dibina di atas tanah yang disewa berbentuk masjid dan orang yang membinanya memberi keizinan untuk sembahyang di dalamnya.”

IV. Imam al-Qalyubi Rahimahullah pula menjelaskan bahawa sesuatu yang bersamaan dengan bentuk masjid bukanlah menunjukkan ia sebagai sebuah masjid sebagaimana katanya :

وَشَمِلَ الْمَظْنُونَ بِالْإِجْتِهَادِ لَا بِالْقَرِينَةِ كَمَنَارَةٍ وَمِنْبَرٍ وَتَرْوِيقٍ  
وَشَرَارِيفٍ، فَلَا دَلَالَهَ فِي ذَلِكَ عَلَى الْمَسْجِدِيَّةِ

Ertinya : “Dan adakalanya (termasuk yang dinamakan masjid itu) yang disangkakan berdasarkan ijtihad, bukan berdasarkan qarinah (sesuatu yang menunjukkan bentuk masjid) seperti menara, mimbar, ukiran dan beranda, maka demikian itu tidak menunjukkan sebagai masjid.”

Oleh yang demikian, berdasarkan pandangan ulama di atas jika bangunan itu diwaqafkan untuk dijadikan masjid, jadilah ia masjid dan berlakulah ke atasnya hukum masjid seperti haram bagi orang yang haid atau junub berhenti diam di dalamnya atau hukum-hukum yang lain yang berkaitan dengan masjid.

Begitu juga, jika tidak disebutkan lafaz waqaf tetapi diniatkan tempat itu untuk dijadikan sebagai masjid seperti seseorang berkata : "Aku jadikan tempat ini sebagai masjid", maka jadilah tempat itu sebagai masjid, mengikut keluasan tempat yang dimaksudkannya untuk dijadikan sebagai masjid. Manakala kawasan yang di luarnya tidaklah dikira sebagai masjid.

Jika sesebuah bangunan itu pula hanya diwaqafkan untuk menunaikan sembahyang di dalamnya, bukan sebagai masjid, maka tidaklah bangunan itu menjadi masjid.

Adakah Disunatkan Melakukan Sembahyang Tahiyatul Masjid Dan I'tikaf Di Dalam Bangunan Selain Masjid?

Jika dilihat kepada hukum asal sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dan i'tikaf kedua-duanya hanya sunat dilakukan di dalam sesebuah tempat yang dinamakan masjid. Ini kerana :-

1. Tujuan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dikerjakan adalah sebagai menghormati masjid.
2. Masjid merupakan salah satu rukun atau syarat sah i'tikaf. Oleh itu, tidak disunatkan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid dan i'tikaf itu di dalam balai ibadat atau surau. Ini kerana memang jelas nama balai ibadat atau surau itu bukan dimaksudkan sebagai masjid walaupun didirikan di dalamnya sembahyang berjemaah lima waktu, sembahyang Jumaat serta sembahyang sunat yang lain seperti Tarawih, 'Idil Fitri, 'Idil Adha dan lain-lain.

**ISU TANDAS YANG DIBINA DI ATAS KAWASAN TANAH  
PERKUBURAN MASJID KOTA AUR,PENAGA, SPU.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat bersetuju tandas yang dibina di atas kawasan tanah perkuburan Masjid Kota Aur, Penaga, SPU hendaklah dirobohkan kerana melibatkan tanah yang telah diwakafkan sebagai tanah wakaf untuk tujuan perkuburan.

**SEKATAN TRANSAKSI BAGI AKAUN BUKAN PERBANKAN ISLAM (NON-ISLAMIC) MENGGUNAKAN KIOS PERBANKAN ELEKTRONIK DI MASJID-MASJID NEGERI PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan keputusan yang telah dikeluarkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2012 bertarikh 26 Januari 2012.

**DRAF PEWARTAAN FATWA MENGENAI KES PENGISLAMAN SOFIAH EOW BT. ABDULLAH.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat memutuskan untuk mewartakan fatwa ini demi masalah ammah. Mesyuarat juga menimbulkan rasa kekesalan terhadap Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) kerana tidak mengambil tindakan yang serius berkaitan isu ini.

**RAYUAN UNTUK MENGISYTIHARKAN FOYER / RUANG LEGAR MASJID ABDULLAH FAHIM BUKAN SEBAGAI RUANG MASJID.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat bersetuju meluluskan Permohonan Untuk Mengisytiharkan Keseluruhan Foyer / Ruang Legar Masjid Abdullah Fahim dikira sebagai bukan ruang masjid. Pihak Jawatankuasa Masjid hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :-

- i. Meletakkan petunjuk di setiap sudut yang bersesuaian bagi memaklumkan kepada semua jemaah yang hadir di masjid berkenaan berkaitan perkara tersebut.

- ii. Memastikan pintu berbetulan saf pertama dari dalam masjid dibuka ketika solat jamaah dilaksanakan.
- iii. Membuat pengumuman kepada para jemaah bahawa keseluruhan kawasan foyer / ruang legar Masjid Abdullah Fahim adalah bukan ruang masjid dan tidak disunatkan solat Tahiyatul Masjid serta i'tikaf di kawasan berkenaan.

**PERMOHONAN UNTUK MENAIKTARAF BUMBUNG MASJID AL  
ABIDIN, PINANG TUNGGAL DAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT  
(SEMENTARA) DI SURAU KAMPUNG SETOL, PINANG  
TUNGGAL, KEPALA BATAS, SPU.**

KEPUTUSAN

6.2.3 Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut :-

- i. Bersetuju meluluskan Permohonan Untuk Menaiktaraf Bumbung Masjid Al Abidin, Pinang Tunggal Dan Mendirikan Solat Jumaat (Sementara) Di Surau Kampung Setol, Pinang Tunggal, Kepala Batas, SPU.
- ii. Garis panduan mengenai kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid / surau seperti berikut :-
  - a. Perkakas atau bahan binaan masjid atau surau, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya ;
  - b. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan ;
  - c. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

**CADANGAN MEMBINA MENARA MASJID KAMPUNG GENTING,  
DAERAH BARAT DAYA.**

KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:-  
Mesyuarat bersetuju meluluskan Cadangan Membina Menara Masjid Kampung Genting,  
Daerah Barat Daya.

**CADANGAN MENGUBAHSUAI DINDING HADAPAN TINGKAT  
ATAS, MASJID PULAU BETONG, BALIK PULAU, DAERAH BARAT DAYA**

KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:-  
Mesyuarat tidak meluluskan Cadangan Mengubahsuai Dinding Hadapan Tingkat Atas,  
Masjid Pulau Betong, Balik Pulau, Daerah Barat Daya kerana melibatkan harta wakaf  
dan tiada keperluan yang mendesak dari segi hukum syarak.

**CADANGAN MENUKAR SEBAHAGIAN BUMBUNG MASJID  
SUNGAI PINANG, BALIK PULAU, DAERAH BARAT DAYA.**

KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:-  
Mesyuarat bersetuju meluluskan Cadangan Menukar Sebahagian Bumbung Masjid  
Sungai Pinang, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.

**PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR DI ATAS LOT 256,MK. 11,  
SUNGAI BATU,TELUK KUMBAR, DAERAH BARAT DAYA.**

KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:-

Mesyuarat meluluskan Permohonan Pemindahan Kubur Di Atas Lot 256, MK., 11, Sungai Batu, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya seperti berikut:-

- i. Pemindahan sebahagian kubur yang dikenal pasti dan yang berhampiran dengan rumah Indian Muslim dengan kerjasama dari Jabatan Arkeologi, USM.
- ii. Mmembuat perbincangan dan memaklumkan kepada pemilik asal tanah tersebut iaitu Festival Development SDN. Bhd.
- iii. Mesyuarat juga memutuskan supaya pihak Pejabat Agama Daerah Barat Daya membuat carian di Pejabat Tanah untuk memastikan status asal tanah tersebut.

**PERMOHONAN PENETAPAN HUKUM PENGGUNAAN  
ALKOHOL NYAHASLI HASIL DARI PROSES PENAPAIAAN**

KEPUTUSAN

Mesyuarat memutuskan supaya Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang mengemukakan isu ini kepada Bahagian Penyelidikan, JAKIM untuk dikemukakan ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kerana isu ini melibatkan peringatan nasional.

**LAPORAN PEMBINAAN MASJID BANDAR TASEK MUTIARA, SPS  
DAN CADANGAN PELAN**

KEPUTUSAN

Mesyuarat meluluskan Pembinaan Masjid Bandar Tasek Mutiara, SPS Dan Cadangan Pelan dengan syarat nama masjid ditukarkan kepada Masjid Abu Ubaidah Ibni Al-Jarrah.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIKPULIH MASJID KHAIRI,  
DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Masjid Khairi, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- i. Perkakas atau bahan binaan masjid atau surau, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
- ii. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
- iii. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH MASJID TENGAH,  
JALAN BURMA, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik Pulih Masjid Tengah, Jalan Burma, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- i. Perkakas atau bahan binaan masjid atau surat, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
- ii. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
- iii. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH SURAU AN-NUR  
TELAGA RENDAH, SUNGAI PINANG, JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT**

KEPUTUSAN

Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Surau An-Nur Telaga Rendah, Sungai Pinang, Jelutong, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- i. Perkakas atau bahan binaan masjid atau surat, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana

- masjid atau surau yang memerlukannya;
- ii. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
  - iii. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH SURAU LUQMANUL  
HAKIM, FLAT MEDAN TUNKU, SUNGAI PINANG, DAERAH TIMUR LAUT**

KEPUTUSAN

Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Surau Luqmanul Hakim, Flat Medan Tunku, Sungai Pinang, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- i. Perkakas atau bahan binaan masjid atau surat, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
- ii. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
- iii. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH SURAU  
PERUMAHAN KASTAM, SUNGAI GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT**

KEPUTUSAN

- i. Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Surau Perumahan Kastam, Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-
  - a) Perkakas atau bahan binaan masjid atau surau, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
  - b) Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
  - c) Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.
- ii. Mesyuarat menyarankan agar tangga hendaklah disediakan disebelah dalam surau bagi penyambungan saf dengan tingkat bawah.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH SURAU SALIHIN,  
SUNGAI PINANG, DAERAH TIMUR LAUT**

KEPUTUSAN

- a. Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Surau Salihin, Sungai Pinang, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-
  - a) Perkakas atau bahan binaan masjid atau surat, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
  - b) Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
  - c) Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH SURAU TANJUNG  
BUNGA QARYAH TANJUNG BUNGA, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Surau Tanjung Bunga, Qaryah Tanjung Bunga, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan binaan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-
  - a) Perkakas atau bahan binaan masjid atau surat, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan

- batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
- b) Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
  - c) Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT BERTERUSAN DI MASJID AL-MUNAWWAR, KELAWEI DAN MASJID JAMI' LAMA LORONG BURMAH KELAWEI (MASJID KELAWEI LAMA) HANYA MENDIRIKAN SOLAT FARDHU SAHAJA, WARYAH KELAWEI, DAERAH TIMUR LAUT**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat bersetuju dan membenarkan permohonan untuk mendirikan solat Jumaat secara berterusan di Masjid Al-Munawwar, Kelawei, Qaryah Kelawei, Daerah Timur Laut manakala Masjid Jami' Lama Lorong Burmah Kelawei (Masjid Kelawei Lama) hanya mendirikan solat fardhu sahaja.
- ii. Jawatankuasa sedia ada dikekalkan bagi mentadbir dan mengimarahkan kedua-dua masjid tersebut serta perlantikan AHJ Qaryah yang baru tidak dibenarkan sehingga tamat tempoh perlantikan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- iii. Jawatankuasa hendaklah memastikan hasil kutipan hari Jumaat turut diberikan kepada Masjid Jami' Lama Lorong Burmah Kelawei (Masjid Kelawei Lama) mengikut keperluan masjid berkenaan.
- iv. Solat Jumaat di Masjid Al-Munawwar, Kelawei bertarikh 8 Mac 2013 adalah tidak sah kerana berlaku dua solat Jumaat di dalam satu qaryah dan solat Jumaat di Masjid Al-Munawwar, Kelawei adalah terkemudian dari solat Jumaat di Masjid Jami' Lama Lorong Burmah Kelawei.
- v. Mesyuarat juga memutuskan supaya pelaksanaan solat Jumaat di Masjid Al-Munawwar, Kelawei dijalankan secara berterusan dan solat Jumaat di Masjid Jami'

Lama Lorong Burmah Kelawei dihentikan segera berkuatkuasa pada 22 Mac 2013 (Jumaat) bagi mengelakkan berlakunya dua solat Jumaat di dalam satu qayah.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBAIK PULIH BUMBUNG MASJID  
RAWANA, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN

Mesyuarat meluluskan Permohonan Untuk Membaik pulih Bumbung Masjid Rawana, Daerah Timur Laut dengan syarat barang-barang wakaf hendaklah mengikut kaedah pelupusan bahan-bahan masjid atau surau di negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- a) Perkakas atau bahan binaan masjid atau surat, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya;
- b) Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan masjid atau surau, apabila diperlukan;
- c) Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan masjid atau surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.



## **HIMPUNAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2014**

**CADANGAN MEROBOH MASJID SEDIA ADA DAN MEMBINA SEMULA MASJID UNTUK KEGUNAAN AKADEMI TAHFIZ IHSANIAH SIMPANG EMPAT DI ATAS LOT 20031, MUKIM 14, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Meroboh Masjid Sedia Ada Dan Membina Semula Masjid Untuk Kegunaan Akademi Tahfiz Ihsaniah Simpang Empat Di Atas Lot 20031, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang serta mengikut pelan yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat ini.

**PERMOHONAN MENDAPATKAN PENJELASAN HUKUM DAN GARIS PANDUAN BERKAITAN PENGGUNAAN ALAT MUZIK DAN MEMBUNYIKAN SUARA MUZIK DI DALAM KAWASAN MASJID.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat memutuskan supaya Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang merujuk kepada Panel Kajian Syariah (PKS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mendapatkan keputusan.

**KERTAS CADANGAN SEMAKAN PANDANGAN FATWA  
BERHUBUNG PERLANTIKAN KAKITANGAN AS SAHABAH URUS  
ZAKAT SEBAGAI AMIL ZAKAT.**

**KEPUTUSAN:**

Mesyuarat memutuskan kakitangan yang dilantik oleh As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. Adalah sah menjalankan kerja-kerja pungutan dan agihan zakat tanpa perlu dilantik oleh semua MAINPP sebagai amil secara individu kerana kakitangan ini merupakan pekerja kepada Amil yang dilantik dan telah dibayar gaji daripada upah amil yang diperolehi oleh syarikat. Yang di-Pertua MAINPP telah diberi kuasa untuk melantik As-Sahabah dan As-Sahabah melantik kakitangan.

**ZAKAT KE ATAS PELBAGAI KATEGORI SUMBER PENDAPATAN.**

- a) Wang pampasan pemberhentian kerja secara sukarela**
- b) Wang bayaran gratuti persaraan bagi kakitangan kerajaan atau sektor awam**
- c) Wang insuran nyawa yang tamat tempoh matang**
- d) Wang bayaran pampasan pengambilan tanah**
- e) Wang diperoleh daripada skim Refinancing rumah atau kereta**
- f) Wang hasil jualan kereta / rumah / tanah atau lain-lain**
- g) Wang insuran kemalangan**
- h) Wang pinjaman bank yang tiada tujuan**
- i) Wang atau harta puasaka selepas kematian ibu / bapa / waris**
- j) Wang ganjaran tamat kontrak perkhidmatan**
- k) Takaful keluarga**

**KEPUTUSAN:**

Mesyuarat bersetuju dikenakan zakat ke atas sumber-sumber pendapatan tersebut dengan memperincikan refinancing rumah.

**KADAR ZAKAT YANG SESUAI BAGI SISTEM YANG DIAMALKAN  
OLEH PETANI-PETANI DI PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat memutuskan kadar zakat ditetapkan sebanyak 10% dengan memberi pelepasan kepada sara hidup. Kos sewa tanah, baja dan racun, kos pembajakan dan tuaian, upah berkaitan dan potongan luar jangka adalah ditolak.

**PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN CADANGAN  
PEMBESARAN MASJID SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Pembesaran Masjid Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah dengan syarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) perlu mengisytiharkan balai lintang lama di sebelah kanan dan belakang serta ruang tambahan yang baharu sebagai masjid (ruang masjid). Manakala balai lintang disebelah kiri pula bukan sebagai ruang masjid untuk memudahkan muslimat yang uzur / haid mempelajari agama dan lain-lain aktiviti keagamaan.

**PERMOHONAN UNTUK MENAIK TARAF MASJID AL-ITTIFAQ,  
QARYAH SUNGAI NIBONG KECIL, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Untuk Menaik taraf Masjid Al-Ittifaq, Qaryah Sungai Nibong Kecil, Daerah Timur Laut dengan syarat hendaklah memastikan wujud pintu di bahagian hadapan dewan agar dapat menyambung saf dari masjid yang asal.

**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BAHARU BAGI MASJID  
NEGERI PULAU PINANG (MNPP), DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Penubuhan Qaryah Baharu Bagi Masjid Negeri Pulau Pinang (MNPP), Daerah Timur Laut dengan syarat had fasil di bahagian atas bukit hendaklah diubah di kawasan sempadan perumahan yang berhampiran. Pejabat Agama Daerah Timur Laut hendaklah memohon kebenaran kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi tujuan penubuhan qaryah baharu di Daerah Timur Laut, Negeri Pulau Pinang.

**PEMBENTANGAN PELAN MASJID BAHARU SUNGAI NIBONG  
BESAR, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Pelan Masjid Baharu Sungai Nibong Besar, Daerah Timur Laut dengan syarat mengekalkan ruang masjid asal dan tapak masjid baharu hendaklah berada di atas tapak masjid yang lama.

**KERTAS CADANGAN PERMOHONAN MENGGUNAKAN TANAH  
MILIK PUSAT URUS ZAKAT NEGERI PULAU PINANG BAGI TUJUAN  
AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN PUSAT FALAK MASA HADAPAN.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Permohonan Menggunakan Tanah Milik Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang Bagi Tujuan Aktiviti Dan Pembangunan Pusat Falak Masa Hadapan untuk sementara. Untuk masa hadapan Bahagian Falak Syarie & Sumber Maklumat bolehlah memohon supaya kerajaan membeli atau membuat pengambilan sekadar yang diperlukan sahaja.

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOKH BANGUNAN TANDAS YANG  
DIBINA DI ATAS TANAH PERKUBURAN MASJID JAMEK KOTA  
AUR, KEPALA BATAS, SPU.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat memutuskan bahawa Lot 2843 Mukim 2, Daerah Seberang Perai Utara (No. GM 1128) adalah sebagai wakaf khas perkuburan Islam, seperti yang telah dinyatakan di dalam geran seperti berikut:-

“... to be converted for whakaff endowment as Mohamadan burial ground”

Seterusnya, tandas yang telah dibina di atas tanah wakaf tersebut hendaklah dirobokhkan dengan kadar segera dan dikembalikan seperti sedia ada sesuai sebagai tanah perkuburan Islam.

**CADANGAN PEMINDAHAN TAPAK PERKUBURAN LAMA ATAS  
LOT 59 (GM 99) MUKIM 2, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU  
PINANG.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Pemindahan Tapak Perkuburan Lama Atas Lot 59 (GM 99) Mukim 2, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

**KAEDAH HITUNGAN TEMPOH ENAM BULAN DUA LAHZAH  
MENGIKUT TAKWIM HIJRI UNTUK PENENTUAN STATUS SAH NASAB**

KEPUTUSAN:

Kaedah hitungan tempoh enam bulan dua lahzah adalah mengikut takwim hijri semasa, tanpa mengkhususkan bilangan 180 hari.

**HUKUM PENGGUNAAN MIKRO ORGANISME TERUBAHSUAI  
DALAM PENGHASILAN MONOSODIUM GLUTAMAT (MSG).**

KEPUTUSAN:

- i. Setelah meneliti proses pengubahsuaian genetik dan teknologi baru dalam proses penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) berserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Mesyuarat mendapati bahawa bakteria penderma iaitu Lactic Acid Bacteria adalah diperolehi daripada "Intestines Of Human Adult" (usus orang dewasa) yang kemudiannya telah dipencilkan serta dipurifikasikan.
- ii. Berdasarkan proses dan sumber bakteria yang dikemukakan tersebut, Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa Penggunaan Mikro Organisme Terubahsuai iaitu Lactic Acid Bacteria yang diperolehi daripada "Intestines Of Human Adult" (usus orang dewasa) dalam teknologi baru penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) adalah dibenarkan kerana bakteria yang digunakan tersebut dikategorikan sebagai mutanajjis dan ianya telah melalui proses pengasingan dan penyucian yang tidak menyalahi hukum syarak.

**PERMOHONAN BAGI MENDAPAT PENGESAHAN STATUS WAKAF  
ATAS LOT 377, MUKIM 13 ARA KUDA, DAERAH SEBERANG  
PERAI UTARA.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan bahawa status tanah atas Lot 337, Mukim 13, Ara Kuda, Daerah Seberang Perai Utara adalah wakaf berdasarkan akaun bersumpah yang telah dikemukakan serta akan mewartakannya.

**KELULUSAN CADANGAN PENGAMBILAN BALIK TANAH SERTA  
CADANGAN MENGGUNAKAN WANG PAMPASAN PENGAMBILAN  
LOT 5500 (GM 1480), MUKIM 9, SEBERANG PERAI SELATAN  
SEBAGAI ISTIBDAL.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Pengambilan Bilik Tanah Serta Cadangan Menggunakan Wang Pampasan Penganbilan Lot 5500 (GM1480), Mukim 9, Seberang Perai Selatan Sebagai Istibdal.

**STATUS MAINPP SEBAGAI PEMEGANG AMANAH DAN  
KEDUDUKAN PEMEGANG AMANAH TERDAHULU DI ATAS  
LOT 1904, SEKSYEN 6, BANDAR GEORGETOWN, DTL.**

KEPUTUSAN:

- i. MAINPP adalah sebagai pemegang amanah yang sah menurut hukum syarak berasaskan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

- ii. Pengurusan harta wakaf hendaklah diserahkan kepada MAINPP sebagai kuasa pentadbir dan bertanggungjawab menjaga masalah harta wakaf berdasarkan kaedah:-

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: Tindakan pemerintah ke atas rakyat menjurus kepada kemaslahatan ummah.

- iii. Yayasan Rawana hanya boleh mentadbir tanah tersebut atas kebenaran MAINPP.

**KERTAS CADANGAN BAGI MENENTUKAN STATUS  
PERNIKAHAN SUDARA KITA DAN NASAB ANAK-ANAK, DAERAH  
BARAT DAYA.**

KEPUTUSAN:

- i. Status pernikahan Encik Rahim a/l Mohamad Bacha dan isterinya dalam agama Hindu adalah diiktiraf oleh agama Islam setelah beliau dan isterinya memeluk agama Islam pada 21 Februari 2014 yang lalu.
- ii. Kesemua anak-anak Encik Rahim bolehlah dinasabkan kepada beliau kerana anak pertama yang sudah baligh telah melafazkan syahadah bersama mereka, manakala dua orang lagi yang masih belum baligh adalah mengikut agama kedua ibu bapanya iaitu Encik Rahim dan isteri.
- iii. Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-87 berkaitan "Status AgAMA Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam" yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 boleh diambil sebagai rujukan.

Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang 2011 - 2015

Keputusan muzakarah adalah seperti berikut:

- I. Apabila salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam, agama anak di bawah umur juga adalah Islam dan penjagaan anak hendaklah diletakkan di bawah ibu atau bapa yang beragama Islam
- II. Oleh yang demikian apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan adalah secara langsung beragama Islam.
- III. Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa penjaganya tidak perlu dipinda. Keterangan/Hujah:-
  - a) Jumhur Ulama' (al-Hanafiyah, al-Syafi'iyah dan al-Hanabilah) berpandangan, anak-anak adalah mengikut agama Islam sama ada yang memeluk Islam itu ibu ataupun bapa. Pandangan ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w yang bermakna: Daripada 'A'idz bin Amr Almuzani, daripada Nabi SAW bersabda: "Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya".
  - b) Kaedah fiqh telah menetapkan **الصغير يتبع خير الأبوين دينا** ini bermakna, seorang anak akan menjadi Islam apabila ibu atau bapanya memeluk Islam kerana Islam adalah agama terbaik dan tidak ada yang lebih baik dan mulia daripadanya.
  - c) Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya. Berdasarkan kepada peruntukan ini persetujuan salah satu pihak sahaja adalah memadai dalam penentuan agama seorang kanak-kanak kerana perkataan yang digunakan dalam perkara 12 (4) ini adalah "parent or guardian" bukannya "parents or guardian" yang mana ia bermaksud "ibu atau bapa atau penjaga".
  - d) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, Seksyen 117 menyatakan:-

Bagi maksud bahagian ini, seseorang yang tidak beragama Islam boleh memeluk agama Islam

- a) Jika dia sempurna akal dan sudah mencapai umur lapan belas tahun; atau
- b) Jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu dan bapa atau penjaganya mengizinkan memeluk agama Islam olehnya.

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA  
BANGUNAN DUA TINGKAT MASJID JAMEK PERAI, PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN:

- i. Meluluskan Permohonan Untuk Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Dua Tingkat Masjid Jamek Perai, Pulau Pinang dengan syarat mendapat peruntukan yang mencukupi.
- ii. Membenarkan Masjid Perai di tutup atas alasan tidak selamat digunakan mengikut laporan dan perakuan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR)
- iii. Bersetuju memberi kebenaran bagi menunaikan Jumaat sementara di Surau Darul Hidayah, Taman Inderawasih, Perai.
- iv. Cara pelupusan bahan-bahan binaan masjid:-
  - a) Sekiranya bahan-bahan tersebut boleh digunakan, hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukan;
  - b) Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk masjid tersebut apabila diperlukan.
  - c) Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan tersebut dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA  
SEKOLAH AGAMA RAKYAT GUAR JERING, BUKIT  
MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju meluluskan Permohonan Untuk Meroboh Dan Membina Semula Sekolah Agama Rakyat Guar Jering, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah kerana menurut laporan yang dikemukakan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sekolah tersebut tidak selamat digunakan lagi.

**KUANTIFIKASI DAN STABILITI DNA BABI YANG DIEKSTRAK D  
ARIPADA DAGING CAMPURAN DAN PRODUK DIPROSES  
MENGUNAKAN RAQMAN REAL TIME POLYMERASE CHAIN  
REACTION ASSAY.**

KEPUTUSAN:

- i. Setelah mendengar pembentangan mengenai laporan penyelidikan yang telah disahkan oleh Kumpulan Penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat bersetuju menerima dan memperakukan hasil penyelidikan yang telah dikemukakan oleh Kumpulan Penyelidik.
- ii. Berdasarkan dapatan penyelidikan tersebut mendapati bahawa DNA Babi boleh menyerap masuk ke dalam produk makanan sama ada ianya disengajakan atau berlaku secara tidak sengaja dan kontaminasi DNA Babi yang berlaku boleh diukur dan boleh diketahui sekiranya ia berlaku melalui sentuhan secara fizikal. Kontaminasi juga berkemungkinan berlaku melalui edaran udara apabila daging babi dan bahan lain disimpan di dalam tempat yang sama dan kedua-duanya di dalam keadaan tidak tertutup, walaupun tiada persentuhan fizikal berlaku antara keduanya. Kontaminasi DNA babi tidak akan berlaku sekiranya daging babi dan bahan

halal lain disimpan di dalam bekas yang tertutup kemas dan tiada sentuhan secara fizikal.

- iii. Dalam hal ini Muzakarah berpandangan bahawa dalam penghasilan atau pemprosesan sesuatu produk halal, pencemaran atau kontaminasi produk dengan DNA bahan yang diharamkan seperti babi boleh dikawal dari peringkat awal penyediaan bahan mentah lagi dan sekiranya sesuatu produk itu didapati mengandungi DNA babi semasa proses akhir penghasilannya dan sebelum dipasarkan, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai halal kerana tidak menepati kaedah Umum al-Balwa.
- iv. Walau bagaimanapun, dalam kes produk siap diproses dan telah dipasarkan kepada pengguna yang pada asasnya telah dihasilkan melalui pemprosesan serta menggunakan bahan-bahan yang suci dan halal, tetapi kemudian didapati telah berlaku kontaminasi DNA babi pada sebahagian produk, maka Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa dalam keadaan ini ia adalah dikategorikan sebagai umum al-balwa dan hukum produk tersebut adalah merujuk kepada hukum asal iaitu halal dimakan kerana pencemaran atau kontaminasi yang berlaku adalah diluar kawalan dan tidak dapat dielakkan.

**CADANGAN MEMBUAT ISTIBDAL BAHAGIAN TANAH WAKAF  
(TAPAK SURAU DAN BANGUNAN SURAU) ATAS LOT 377, MUKIM  
13 ARA KUDA, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat bersetuju dan memutuskan Cadangan Mambuat Istibdal Bahagian Tanah Wakaf (Tapak Surau Dan Bangunan Surau) Atas Lot 377, Mukim 13 Ara Kuda, Daerah Seberang Perai Utara.
- ii. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Bil. 2/2014 bertarikh 2 dan 3 April 2014 adalah dipinda iaitu bukan wakaf keseluruhan tanah tetapi wakaf pada tapak surau sahaja.

- iii. Istibdal hendaklah dengan tanah yang lebih baik dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) bolehlah memutuskan mana-mana tanah, masjid atau surau di dalam negeri Pulau Pinang.

**KELULUSAN CADANGAN PENGAMBILAN BALIK TANAH SERTA  
CADANGAN MENGGUNAKAN WANG PAMPASAN PENGAMBILAN  
LOT 621, 1380, 1381, 1382, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA  
BAGI MAKSUD ISTIBDAL.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Pengambilan Balik Tanah Sera Cadangan Menggunakan Wang Pampasan Pengambilan Lot 621, 1380, 1381, 1382, Mukim 12, Daerah Barat Daya Bagi Maksud Istibdal dengan syarat seperti berikut:-

- i. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) boleh membeli mana-mana ain kekal yang produktif bagi tujuan melaksanakan istibdal tanah wakaf tersebut.
- ii. Istibdal hendaklah di kawasan Pulau Pinang sahaja iaitu sama ada di Daerah Timur Laut atau Barat Daya.

**MEMOHON PANDUAN BAGI TUJUAN PENGAGIHAN SUMBER WAKAF AM BAGI MASJID KAPITAN BERSENDIRIAN (MKKB) RUMAH PANGSA KEDERSAH (RPKS), DANA WAKAF LEBUH CHULIA (DWLCH) DAN DANA WAKAF BANDAR PERDA (DWBP)**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat bersetuju Wakaf Am Bagi Masjid Kapitan Bersendirian (MKKB) adalah disalurkan untuk tujuan manfaat penduduk setempat yang memerlukan dan program dakwah kepada persatuan-persatuan Islam (NGO Islam) di Pulau Pinang dan jika terdapat lebih bolehlah disalurkan kepada persatuan-persatuan dakwah di luar Negeri Pulau Pinang serta untuk tujuan pendidikan umat Islam.
- ii. Mesyuarat juga bersetuju untuk diberikan sumber wakaf am yang diperolehi kepada Madrasah Maahad Tahfiz Fathur Rahman secara berkala dan mengikut keputusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi tujuan pembayaran sewa dan disalurkan manfaat (bayaran sewa) tersebut kepada Majlis Jelutong.

**PERMOHONAN BAGI PEMINDAHAN KUBUR LAMA YANG TERBIAR KE TANAH PERKUBURAN ISLAM TOK LANANG, JALAN SIRAM TELAGA AIR, BUTTERWORTH, SPU.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Bagi Pemindahan Kubur Lama Yang Terbiar Ke Tanah Perkuburan Islam Tok Lanang, Jalan Siram, Telaga Air, Butterworth, SPU dan herndaklah digali melebihi daripada kawasan perkuburan yang mempunyai batu nisan tersebut.

**PERMOHONAN UNTUK PEMINDAHAN KUBUR LAMA YANG BERADA DI  
DALAM REZAB JALAN KE BAHAGIAN DALAM TANAH  
PERKUBURAN ISLAM TOK LANANG, JALAN SIRAM TELAGA  
AIR, BUTTERWORTH, SPU.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan Permohonan Untuk Pemindahan Kubur Lama Yang Berada Di Dalam Rezab Jalan ke Bahagian Dalam Tanah Perkuburan Islam Tok Lanang, Jalan Siram, Telaga Air, Butterworth, SPU.
- ii. Siasatan lanjut perlu dijalankan oleh Pejabat Agama Daerah SPU (Butterworth) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) SPU bagi mendapat pengesahan status tanah asal di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang.

**CADANGAN MENGGUNAKAN WANG TABUNG TAWAQQUF BAGI  
MEMBIAYAI PROJEK BANCIAN PENDUDUK ISLAM NEGERI  
PULAU PINANG TAHUN 2014.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Cadangan Menggunakan Wang Tabung Tawaqquf Bagi Membiayai Projek Bancian Penduduk Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 dengan syarat menggunakan peruntukan bahagian (RM) amil.

**KERTAS CADANGAN PROJEK MEMBINA RUMAH ASNAF ZAKAT  
PULAU PINANG DI ATAS TANAH WAKAF, LOT PT 32,  
SEKSYEN 3, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN:

- i. Bersetuju dan meluluskan Cadangan Projek Membina Rumah Asnaf Zakat Pulau Pinang Di Atas Tanah Wakaf, Lot Pt 32, Seksyen 3, Daerah Timur laut, Pulau Pinang dengan menggunakan sumber dana zakat MAINPP dengan syarat pihak Zakat Pulau Pinang (ZPP) hendaklah mengemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang seperti perkara berikut:-
  - a) Jumlah sebenar wang tawaqquf bagi Bahagian (XXX) Miskin dan Fakir yang terkini.
  - b) Perincian nisbah dan kaedah bayaran bagi setiap rumah asnaf yang akan dibina.
- ii. Mendesak supaya Zakat Pulau Pinang (ZPP) melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) membeli tanah-tanah untuk kegunaan dan kepentingan asnaf yang memerlukan dengan menggunakan wang tawaqquf.
- iii. Memastikan tanah-tanah tersebut tidak boleh dijual kepada orang bukan Islam dan tidak dijadikan premis tersebut sebagai tempat untuk tujuan maksiat.

**PERMOHONAN MEMPERAKUKAN DAN MENGELUARKAN GARIS  
PANDUAN PENYEMBELIHAN TERNAKAN KORBAN NEGERI PULAU  
PINANG.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju untuk Memperakukan Dan Mengeluarkan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban Negeri Pulau Pinang dengan syarat garis panduan tersebut hendaklah dikemaskini dengan memasukkan dalil-dalil dari Al-Quran dan Hadis serta dikemukakan semula ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

**CADANGAN MENGADAKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA BAGI  
QARYAH BAHARU DI SURAU AS-SOLIHIN, BANDAR BARU  
SUNGAI, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat bersetuju dan memberi kebenaran bagi Mengadakan Solat jumaat Sementara Bagi Qaryah Baharu Di Surau As-Solihin, Bandar Baru Sungai Pinang, Daerah Timur Laut.
- ii. Keputusan ini perlu dipanjangkan kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) bagi mendapatkan keputusan berkaitan persempandanan yang baharu dan permulaan tarikh solat Jumaat.

**PENGISYTIHARAN KORIDOR SEBAGAI RUANG MASJID DI  
MASJID JAMEK AN NUR GUAR PERAHU, BUKIT MERTAJAM,  
SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan memutuskan supaya Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Tengah perlu mengisytiharkan ruang luar / koridor di sebelah kiri, kanan dan belakang serta tangga ke tingkat atas sebagai ruang masjid di Masjid Jamek An Nur Guar Perahu, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

**ISU TANAH SAWAH DI LOT. 4296 DAN 4298 MUKIM 2, SEBERANG PERAI UTARA.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat memutuskan Tanah Sawah Di Lot 4296 Dan 4298 Mukim 2, Seberang Perai Utara adalah sebagai tanah wakaf untuk Masjid Jamek Lahar Minyak, Kepala Batas seperti yang telah ditetapkan oleh pewakaf iaitu Tuan Haji Ramli Bin Hussain berdasarkan keterangan daripada kedua-dua belah pihak waris kepada Tuan Haji Ramli Bin Hussain.

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN KAEDAH PELUPUSAN AL-QURAN LAMA/ROSAK DAN BAHAN-BAHAN TERBITAN YANG MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN DAN HADIS DENGAN MENGGUNAKAN MESIN PELUPUSAN MUDAH ALIH YANG DICIPTA OLEH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM).**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Untuk Mendapatkan Kelulusan Kaedah Pelupusan Al-Quran Lama/Rosak dan Bahan-Bahan Terbutan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Suci Al-Quran Dan Hadis Dengan Menggunakan Mesin Pelupusan Mudah Alih Yang Dicipta Oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor Dengan Kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan syarat seperti berikut:-

- i. Satu jawatankuasa perlu diwujudkan bagi mengendalikan proses tersebut yang melibatkan pihak-pihak seperti Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Jabatan Laut, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan lain-lain.
- ii. Perlu mendapatkan surat kuasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) terlebih dahulu.

**ISU TANAH LOT 791 (LOT LAMA 391 (1)) GRANT NO 2421, BAYAN BARU, PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat memutuskan Lot 791 (Lot Lama 391 (1)) Gran No. 2421, Bayan Baru, Pulau Pinang adalah sebagai wakaf berdasarkan “Deed Poll” bertarikh 6.9.1882 dan Indenture bertarikh 5.6.1908 seperti berikut:-
  - a) “Deed Poll” bertarikh 6.9.1882  
Isi kandungan penting – Dibaut di antara Hajee Driss Bin Shaikoo dan Saibah Bintee Noohmin dengan Hajee Abdul Rasheed. Dengan balasan sebanyak \$1, diserahkan hak ke atas Hajee Abdul Rasheed dalam amanah sebidang tanah dalam Daerah Bayan Lepas, Pulau Pinang gran No. 2421. Untuk dipegang tanah tersebut dan sebahagiannya..... kepunyaan Hajee Abdul Rasheed tersebut, waris-waris dan diserahkan hak dalam amanah ('in trust') dan untuk kegunaan sebuah masjid, kegunaan umum untuk upacara keagamaan dan tanah perkuburan komuniti Mohamad penduduk Bayan Lepas.
  - b) Indenture bertarikh 5.6.1908  
Isi Kandungan penting – Dibuat di antara Saheemah Binti Haji Abdul Karim (Balu kepada Hajee Abdul Rasheed) dan Hajee Mohamed Bin Hajee Abdul Rasheed pada masa selepas kematian Hajee Abdul Rasheed. (Pada akhir perenggan 'Conveyance' ini), “.....tertakluk kepada kandungan Deed Poll bertarikh 6.9.1882 yang dibuat oleh Hajee Driss dan isterinya Saibah kepada Hajee Abdul Rasheed untuk tujuan kegunaan sebuah masjid”.

- ii. Jual beli tanah wakaf tersebut adalah tidak sah mengikut hukum syarak berdasarkan dalil berikut:

ان عمر بن الخطاب أصاب أرضاً بخير، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال يا رسول الله  
إني أصبت أرضاً بخير لم أصب مالم قط هو أنفس عندي منه فما تأمر به؟ قال إن شئت حبست أصلها  
وتصدق بها فتصدق بها عمر أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث

(رواه البخاري)

Maksudnya: “Bahawa Saidina Umar Bin Al-Khathab mempunyai sekeping tanah di Khaibar, maka beliau datang menemui Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam (untuk) menerima arahan Baginda mengenai apa yang perlu dilakukannya dengan tanah tersebut. Beliau berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mempunyai sekeping tanah di Khaibar, aku tidak mempunyai harta yang tinggi nilainya daripada tanah itu, maka apa yang engkau perintahkan (kepadaku) mengenai tanah itu? “Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menjawab : “Jika engkau mahu, tahan (tidak diguna pakai) dan sedekah manfaatnya (dengan berwaqaf). Maka Umar bersedekah dengan tanah tersebut, tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

**KADAR PENGAGIHAN HASIL WAKAF SETEE AISAH DI ATAS LOT  
1444, MUKIM 4, SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH  
PULAU PINANG BERDASARKAN AMANAH PEWAKAF.**

KEPUTUSAN:

- i. Kenyataan untuk mengirim ke Mekah \$3 bermaksud menghantar sejumlah wang ke Mekah untuk tujuan umrah dengan mengikut nilai semasa upah mengerjakan umrah di Mekah.
- ii. Maksud bagi tujuan umrah ialah mengerjakan umrah bagi si mati (Seetee Aisah).
- iii. Jika masih ada wang yang berbaki hendaklah dihantar ke Mekah untuk tujuan wakaf atau tujuan amal-amal yang lain.
- iv. Separuh yang dimaksudkan pewakaf ialah separuh yang berbaki daripada hasil untuk tujuan pelaksanaan amanah wakaf tersebut iaitu sebanyak RM368,384.16 (40%), setelah ditolak perkara-perkara berikut:-
  - a) Mengadakan kenduri arwah untuk suaminya Nordin, datuknya Nakhoda Jambang, neneknya Saedah dan datuk saudaranya Nakhoda Bumbung. Kenduri tersebut hendaklah diadakan setiap tahun sekali, dalam bulan Ramadan.
  - b) Mengadakan doa dan tahlil kepada si mati mengikut nilai terkini yang munasabah. (ceremonial prayer)
  - c) Ratib di kubur Nordin tiga kali setahun iaitu pertama pada hari kenduri arwah, kedua pada cuti Hari Raya Puasa dan ketiga pada cuti Hari Raya Haji.
  - d) Membayar dan membekalkan satu tin minyak tanah untuk Masjid Permatang Pauh dalam bulan Ramadhan setiap tahun (ketika ini ialah membayar bil. elektrik masjid berkenaan pada bulan Ramadan sahaja)
  - e) Menghantar ke Mekah sejumlah wang untuk tujuan mengerjakan umrah mengikut nilai semasa upah mengerjakan umrah di Mekah pada setiap tahun.
  - f) Semua baki sewa dan pendapatan yang diperolehi separuh (sebahagian) daripadanya hendaklah digunakan untuk membaiki Masjid Permatang Pauh.
  - g) Jika tiada pembaikan dibuat wang tersebut hendaklah dihantar ke Mekah untuk tujuan wakaf atau tujuan amal yang lain.

- v. Separuh daripada jumlah tersebut hendaklah diserahkan untuk digunakan oleh Ahamad serta keturunannya untuk faedah mereka sendiri.
- vi. MAINPP boleh mencadangkan kepada pihak keluarga dan keturunan Ahamad menubuhkan persatuan waris atau seumpama dengannya bagi tujuan membuat pembahagian kepada waris-waris Seetee Aishah yang berhak menerimanya bagi maksud perkara v. di atas.

**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BAHARU BAGI BANDAR  
BARU SUNGAI PINANG, DAERAH TIMUR LAUT.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Cadangan Penubuhan Qaryah Baharu Bagi Bandar Baru Sungai Pinang, Daerah Timur Laut.

**PERMOHONAN MENANGGUHKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID JAMEK  
AZZAKIRIN (PRANGIN) DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG ATAS  
SEBAB KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG YANG BOCOR.**

- i. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Bagi Menangguhkan Solat Jumaat Di Masjid Jamek Azzakirin (Prangin) Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Atas sebab kerja-kerja Pembaikan Bumbung Yang Bocor.
- ii. Para jamaah masjid bolehlah menunaikan solat Jumaat dan solat-solat waktu di masjid-masjid yang berdekatan seperti Masjid Melayu Lebuh Acheh, Masjid Titi Papan, Masjid Simpang Enam dan masjid-masjid lain kerana masjid ini tidak mempunyai qaryah yang tertentu.

**PERMOHONAN UNTUK MENGGANTIKAN BUMBUNG MASJID BAHARU  
BAGAN NYIUR JURU, BUKIT MERTAJAM.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Untuk Menggantikan Bumbung Masjid Baharu Bagan Nyiur Juru, Bukit Mertajam.
- ii. Kaedah pelupusan bahan-bahan binaan adalah seperti berikut:-
  1. Sekiranya bahan-bahan tersebut boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukan.
  2. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal tanpa mengira agama. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk masjid tersebut apabila diperlukan;
  3. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan tersebut dan tidak boleh dibakar malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi.

**PERMOHONAN UNTUK MEMBINA BANGUNAN TAMBAHAN  
SURAU AL-HANNAN TAMAN SERI MENGGUANG, MENGGUANG,  
BUKIT MERTAJAM.**

KEPUTUSAN:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Untuk Membina Bangunan Tambahan Surau Al Hannan Taman Seri Mengkuang, Mengkuang, Bukit Mertajam dengan syarat pihak jawatankuasa surau perlu mengemukakan pelan reka bentuk surau yang baharu kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang untuk diteliti kedudukan saf dan lain-lain berkaitan dengan hukum syarak.

**CADANGAN PEMINDAHAN KUBUR DI ATAS LOT 71238, MUKIM 12,  
BATU MAUNG BAYAN LEPAS, DAERAH BARAT DAYA KE  
TANAH PERKUBURAN ISLAM MASJID BATU MAUNG.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat menenguhkan Cadangan Pemindahan Kubur Di Atas Lot 71238, Mukim 12, Batu Maung, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya Ke Tanah Perkuburan Islam Masjid Batu Maung.
- ii. Siasatan lanjut perlu dijalankan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah bagi mendapatkan pengesahan status asal dan pemilik tanah terdahulu di Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Pulau Pinang.

**KERTAS CADANGAN MENGENAI PENGEBUMIAN JENAZAH  
MUDIR MADRASAH MIFTAHUL IRFAN, SUNGAI RUSA, DAERAH,  
BARAT DAYA.**

KEPUTUSAN:

- i. Pihak pentadbiran Madrasah Miftahul Irfan Sungai Rusa hendaklah mendapat keizinan dan kebenaran secara bertulis daripada pemilik asal tanah tersebut kerana tanah berkenaan masih dimiliki pemilik asalnya. Sekiranya tidak mendapat kebenaran, jenazah tersebut wajib dipindahkan ke tanah perkuburan awam yang berdekatan.
- ii. Mana-mana pengebumian janazah selain dari tanah perkuburan awam, hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak berkuasa agama.

**PENTAFSIRAN, PANDUAN TATACARA DAN PEMBAHAGIAN BAGI AMANAH ALLAHYARHAM SHEIKH EUSOFF BIN SYEIKH LATIFF BAGI TRUST DEED OF SETTLEMENT 1890.**

KEPUTUSAN:

- i. Membayar dan memberi pakaian kepada fakir dan miskin di kawasan sekitar tanah wakaf Sheikh Eusoff mengikut budi bicara pihak mutawalli / MAINPP.
- ii. Waris yang ada hak "wirasah" dijadikan panduan untuk layak menduduki atas tanah berkenaan tanpa sebarang sewaan.
- iii. Pihak MAINPP perlu merujuk Garis Panduan Zakar bagi kadar fakir dan miskin.
- iv. Bayaran untuk kelas Al-Quran bagi penduduk sekitar tanah wakaf Sheikh Eusoff.
- v. Kadar sewaan adalah mengikut kadar semasa bagi selain ahli keluarga.

**PERMOHONAN BAGI MEMBINA SEBUAH PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN AL-QURAN DI ATAS LOT 2168, MUKIM 4, PENAGA, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA DAN DISEWAKAN PADA KADAR KURANG DARI HARGA PASARAN.**

KEPUTUSAN:

- i. Bersetuju dan meluluskan Permohonan Bagi Membina Sebuah Pusat Pengajian Islam Dan Al-Quran Di Atas Lot 2168, Mukim 4, penaga, Daerah Seberang perai Utara.
- ii. Kadar sewaan sebanyak RM300.00 sebulan bagi tempoh 2 tahun dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) boleh mengkaji jumlah bayaran ini dari semasa ke semasa.

**PERMOHONAN UNTUK DIPERTIMBANGKAN SEMULA  
MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI BANGUNAN SURAU HOSPITAL  
PULAU PINANG QARYAH SHEIKH EUSOFF DAERAH TIMUR LAUT  
PULAU PINANG.**

KEPUTUSAN:

- i. Mesyuarat mengekalkan keputusan yang telah dikeluarkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2012 bertarikh 29 Mac 2012.
- ii. Syarat wajib Jumaat (seperti di lampiran)